

Jilid I  
Bil. 33



Hari Khamis  
8hb Disember, 1983

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4353]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 4387]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N. P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN (Kedah).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN IBRAHIM *alias* AHMAD BIN MAT SAMAN *alias* OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ CIK LIM HIANG NAI *alias* LIM SEAN LEAM (Dilantik).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

Yang Berhormat DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).

„ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N.Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 8hb Disember, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANDEFISIT BELANJAWAN—  
LANGKAH MENGATASI

**1. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan defisit 8 billion yang dikemukakan oleh Y.B.M. Menteri Kewangan bagaimanakah defisit ini akan dibiayai dan berapa banyak pula yang telah dibuat melalui pinjaman dari luar negeri.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, kekurangan \$8,000 juta bagi tahun 1984 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dibiayai seperti pada tahun-tahun yang lepas dengan wang pinjaman dari dalam dan luar negeri serta juga dari lebihan dalam akaun semasa Belanjawan jika ada. Kementerian Kewangan sekarang ini sedang mengkaji jumlah yang boleh didapati daripada sumber-sumber tempatan dengan mengambil kira keperluan pinjaman dari bank-bank oleh pihak swasta bagi membiayai kegiatan-kegiatan mereka. Seberapa yang boleh kita akan cuba mendapatkan seberapa banyak pinjaman dari sumber-sumber tempatan, kerana ini adalah wang dalam negeri dan tidak menjejaskan

kedudukan imbalan pembayaran negara. Selepas jumlah itu ditetapkan barulah dirancangan dengan teliti jumlah yang perlu didapati daripada punca-punca luar negeri supaya tidak memburukkan kedudukan hutang negara.

Oleh itu tidaklah dapat saya terangkan secara terperinci pada masa ini jumlah pinjaman yang akan dibuat daripada dalam dan luar negeri.

PENUNTUT BUMIPUTERA/  
BUKAN BUMIPUTERA LUAR  
NEGERI—IMBANGAN

**2. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi bilangan penuntut-penuntut Bumiputera yang pergi ke luar negeri (seberang laut) yang mana penuntut bukan Bumiputera melebihi tiga kali ganda dari penuntut Bumiputera pada setiap tahun.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang menyedari bahawa bilangan penuntut-penuntut bukan bumiputera di luar negeri melebihi tiga kali ganda dari penuntut bumiputera pada setiap tahun. Kebanyakan daripada pelajar bukan bumiputera adalah terdiri daripada pelajar persendirian.

Manakala pelajar-pelajar bumiputera pula adalah jumlah besarnya ditaja melalui Kementerian dan badan-badan penganjurannya.

Adalah tidak mungkin jumlah pelajar-pelajar Kerajaan dapat dilipatgandakan seperti yang dihantar sekarang dari segi implikasi kewangan, syarat-syarat penghantaran dan penerimaan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang kita inginkan supaya bilangannya sama dengan pelajar-pelajar persendirian yang banyak antaranya dihantar di peringkat Sekolah Menengah Tinggi lagi.

Selain daripada itu, Kementerian dan Badan-badan penganjur hanya menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri berdasarkan keperluan pengeluaran tenaga kerja yang diperlukan oleh negara. Oleh itu, setiap tahun badan-badan penganjur melalui program rancangan bersama akan membiayai sebilangan pelajar-pelajar yang telah dirancangan mengikut peruntukan kewangan masing-masing. Manakala bilangan-bilangan pelajar-pelajar bukan bumiputera yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri bergantung kepada kemampuan kewangan persendirian. Dalam hal ini jumlah yang mampu berbuat demikian tidak semestinya meningkatkan.

### COTTAGE INDUSTRIES

**3. Puan Hajjah Hafsa binti Osman** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan mutu dan hasil pengeluaran kerjatangan yang dibuat secara "Cottage Industries".

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan

mutu dan hasil pengeluaran kerja tangan yang dibuat secara 'Cottage Industries' seperti berikut:

1. memberi khidmat nasihat, tunjuk ajar dan latihan kepada pengusaha-pengusaha kraftangan supaya mutu, rekabentuk dan hasil pengeluaran mereka terjamin dan memenuhi cita-rasa dan kehendak pembeli.

Kami juga telah dan akan mendapatkan pakar-pakar dari luar negeri memberi khidmat-nasihat dalam bidang rekabentuk dan mutu.

2. menyediakan program-program latihan dalam berbagai-bagai bidang seperti perusahaan buluh, rotan, kayu, tembikar dan sebagainya di Pusat-pusat Latihan yang dianjurkan oleh PEKEMAS, Pusat Kemajuan Kraftangan Malaysia, Institut Kemahiran MARA.
3. Kementerian juga sedang berusaha untuk mengenalpasti mesin-mesin yang sesuai yang boleh membantu pengusaha-pengusaha meningkatkan mutu dan jumlah pengeluaran.
4. menyediakan saluran-saluran pasaran supaya hasil pengeluaran kerjatangan dapat dipasarkan secara teratur dan berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menubuhkan tiga buah syarikat pemasaran iaitu Syarikat Pemasaran Karyanika Sdn Bhd, Syarikat Batik Malaysia Sdn Bhd dan Syarikat Pembinaan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn Bhd.

Ketiga-tiga syarikat ini sentiasa menghubungi syarikat-syarikat di dalam dan luar negeri bagi menambahkan jumlah jualan mereka.

5. Kementerian juga telah mendapat kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menambahkan penglibatan orang ramai dalam perusahaan-perusahaan ini. Sehingga kini empat belas buah Kerajaan Negeri termasuk Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Industri Kampung dan Karyanika yang dipengerusikan oleh Ahli EXCO kerajaan Negeri. Alhamdulillah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri hasil pengeluaran kerjatangan telah terus meningkat kesan dari bertambahnya penglibatan orang ramai dalam perusahaan ini.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan barang-barang buatan tangan ini dijual kepada 3 buah syarikat dan juga syarikat-syarikat ini akan menghubungi negeri-negeri luar negeri untuk membeli.

Di sini saya hendak bertanya adakah juga dibekalkan kraftangan-kraftangan dan sebagainya ini kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri kerana saya rasa melalui kedutaan-kedutaan luar negeri ini juga dapat laku atau dibeli oleh orang-orang yang hendak datang ke Malaysia ini tahu apa benda-benda yang kita buat di sini kerana saya ada melawat kadangkala satu dua buah negeri tidak ada benda ini di kedutaan, kosong sahaja.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi pasaran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak menghadapi apa-apa masalah malahan buat sekarang ini di pusat-pusat yang disediakan di Kuala Lumpur terdapat kekurangan hasil kraftangan yang

dikeluarkan oleh negeri-negeri masing-masing. Jadi, atas teguran Ahli Yang Berhormat itu kami akan mengambil ingatan.

Walau bagaimanapun, saya ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya memberi kerjasama kepada pengusaha-pengusaha yang terdapat mungkin di tempat Ahli-ahli Yang Berhormat juga untuk tampil ke hadapan menemui Ahli EXCO yang ditugaskan menjaga/menyelaras Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi supaya banyak lagi hasil kraftangan keluaran daripada orang kampung boleh dipasarkan bukan sahaja di Kuala Lumpur bahkan di luar negeri termasuk juga di kedutaan-kedutaan yang ada di luar negeri.

#### **PEKEBUN KELAPA/KOPI/ KOKO—MASA DEPAN**

4. **Tuan Haji Shahrom bin Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menjamin masa depan pekebun-pekebun kelapa, kopi dan koko memandangkan pengeluaran semakin meningkat tetapi harganya pula semakin merosot.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian dari masa ke semasa adalah sentiasa menghalusi perkembangan tiap-tiap komoditi keluaran pertanian termasuk kelapa, koko dan kopi bagi menentukan bahawa para petani mendapat pulangan yang lumayan dari hasil-hasil keluaran mereka.

Berhubung dengan ini di dalam menggubal strategi pengeluaran hasil-hasil pertanian Kementerian ini sentiasa mengambil kira faktor-faktor permintaan dan penawaran satu-satu komoditi itu sama ada di dalam dan di luar negeri.



Walau bagaimanapun, adalah perlu ditegaskan bahawa faktor harga adalah juga bergantung kepada perkembangan ekonomi dunia yang menghadapi kemelesetan sekarang yang mana adalah di luar kawalan pihak Kementerian.

Mengenai dengan perusahaan kelapa, oleh kerana prospek harga di masa depan adalah dijangka tidak begitu meyakinkan pengeluaran kelapa akan ditumpukan bagi memenuhi keperluan di dalam negeri sahaja.

Mengenai kopi dan koko pula, langkah-langkah positif telah dan sedang dijalankan melalui kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh FAMA di dalam usaha memberikan harga yang lebih lumayan kepada pekebun-pekebun kecil apabila keadaan pasaran lemah.

Di samping itu, langkah-langkah untuk meninggikan lagi daya pengeluaran dan juga mutu keluaran akan diteruskan untuk menjamin supaya para petani akan mendapat pulangan yang baik dari hasil keluaran mereka.

Bagi tanaman selingan di dalam kawasan kelapa, tanaman koko akan dipergiatkan dan dipertingkatkan lagi kerana dengan cara demikian para pekebun kecil akan mendapat pulangan yang lebih lumayan.

## SEKOLAH PASANG SIAP DI KEDAH

**5. Tuan Basharon bin Hanapih** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Kerajaan telah memberi kontrak untuk mendirikan sebanyak 36 buah bangunan sekolah pasang siap di Kedah kepada sebuah syarikat dengan disyaratkan 30% dari kerja-kerja yang tersebut hendaklah diberikan kepada pemborong-pemborong Bumiputera di Kedah

untuk melaksanakannya, sama ada syarat-syarat yang tersebut telah dipatuhi oleh kontraktor yang berkenaan; jika ya, nyatakan siapa di antara pemborong-pemborong Bumiputera di Kedah yang telah diberikan kerja-kerja itu dan di mana kerja-kerja yang tersebut dijalankan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sebenar sekolah-sekolah yang dibina secara pasang siap di bawah package deal, dengan izin, di negeri Kedah ialah 32 buah dan bukannya 36 buah.

Penyertaan pemborong-pemborong Bumiputera pada keseluruhannya telah mencapai 36.16% dari segi kerja-kerja yang dikendalikan dan 33.16% dari segi kewangan.

Di antara pemborong-pemborong Bumiputera di Kedah yang sedang mengendalikan kerja-kerja bagi projek ini ialah Syarikat Atasan Sendirian Berhad, Syarikat Mansor Taib, Syarikat Mohd. Rashid bin Mohd. Rejab, Syarikat Jaya Utara, Syarikat Norjaya Simpang Empat dan Syarikat Zakaria Salleh. Manakala yang dari luar negeri Kedah terdiri daripada Syarikat Sang Kong, Sharp Malaysia dan Jaya Sarana.

Mengikut perjanjian, pemborong utama adalah tidak terikat untuk memberikan kerja-kerja kepada pemborong Bumiputera dari negeri Kedah sahaja kerana syarat ini tidak dinyatakan di dalam perjanjian kontrak. Oleh kerana pada keseluruhannya kerja-kerja yang dikendalikan oleh pemborong-pemborong Bumiputera melibatkan banyak sekolah-sekolah di tempat-tempat yang berlainan tidaklah dapat saya berikan butir-butir banyak ini secara lisan tetapi jika Ahli Yang Berhormat berkehendakkan butir-butir tersebut bolehlah saya sampaikan secara bertulis.

**Tuan Basharon bin Hanapiah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah pemborong yang berkenaan dapat menyiapkan semua sekolah tersebut mengikut masa yang ditetapkan dan sekolah tersebut dapat digunakan pada hari permulaan pembukaan sekolah pada tahun hadapan.

Soalan yang kedua, kenapakah sekolah-sekolah segera ataupun kilat yang didirikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah runtuh sebelum lagi digunakan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan yang sekolah tersebut boleh digunakan pada tahun hadapan dengan selamat dan tidak membahayakan kanak-kanak.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, masa sekolah-sekolah di bawah package deal ini siap, dalam kajian kami adalah mengikut jadual seperti yang kita telah ikatkan melalui perjanjian yang telah saya sebutkan tadi.

Sama ada semua sekolah-sekolah yang kita bangukan mengikut package deal ini siap apabila tarikh sekolah dibuka, ini mengikut mana-mana sekolah dalam jadual masa yang telah ditentukan siap apabila sekolah dibuka maka sekolah ini akan dapat digunakan. Yang dijangka siap mengikut jadual masa tadi selepas daripada tarikh pembukaan sekolah, sudah tentu kita tidak dapat menyediakannya.

Menyentuh perkara bilik-bilik darjah secara kilat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana dinyatakan ada berlaku satu insiden di negeri Kedah di mana sekolah-sekolah ini runtuh, saya ingin menerangkan di sini kepada Ahli Yang Berhormat sekolah ini ataupun pembinaan bilik darjah ini mengakibatkan insiden itu oleh kerana subkontraktor yang mengerjakan

bangunan ini tidak mengikut pelan, cara-cara yang kita telah aturkan. Jadi, dia mengendalikannya mengikut cara dia sendiri. Saya dengar dia menyiapkan atap dahulu dan sebagainya dan kita telah menyiasat akan hal ini. Sekiranya subkontraktor ini mengikut peraturan yang kita kenakan sudah tentu insiden ini tidak berlaku seperti juga di tempat-tempat yang lain.

Dari segi jaminan sama ada sekolah-sekolah yang dibina secara kilat ini boleh memberi suasana keselamatan kepada murid-murid yang menggunakannya, saya bolehlah memberi jaminan di sini, mengikut apa yang telah disarankan oleh Jawatankuasa Teknikal Kementerian Pelajaran dalam hal ini sekolah-sekolah ini sebenarnya adalah seteguh-teguh bilik-bilik darjah atau sekolah-sekolah yang kita dirikan melalui cara-cara lain.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya iaitu daripada pemborong-pemborong yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu saya kira lebih kurang 6 pemborong dalam negeri Kedah sendiri dan 2 daripada luar yang mana untuk menyiapkan 32 buah bangunan.

Di sini saya ingin bertanya adakah pemborong-pemborong ini mendapat 2 ataupun 3 kontrak tiap-tiap satu syarikat, kerana ini saya bangkitkan kadangkala mereka ini yang dapat sampai 2—3 pemborong-pemborong ini, inilah sebabnya yang bangunan-bangunan runtuh, tidak siap dan sebagainya yang terjadi.

Adakah di masa akan datang supaya Kementerian ini mengawasi, kalau benar-benar dia boleh buat, buat satu sahaja tak usah diberi 3 ataupun 4. Ini terjadi bukan di negeri Kedah sahaja, saya rasa, terjadi di Wilayah Persekutuan pun begitu juga, banyak

perkara-perkara bukan pelajaran tetapi bangunan-bangunan yang lain, tidak payahlah saya sentuh.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan mengenai berlaku insiden keruntuhan adalah yang melibatkan bilik-bilik darjah yang dibina melalui projek kilat kerana konsep pembinaannya yang lain. Ahli Yang Berhormat yang baharu sebentar tanya tadi ialah sekolah-sekolah yang dibina melalui konsep pasang siap, melalui 'package deal' dan cara pembinaannya yang lain. Jadi, Yang Berhormat ada menanyakan sama ada tiap-tiap kontraktor ini mendapat lebih daripada satu kerja. Saya hendak mengatakan di sini memang benar kontraktor-kontraktor Bumiputera tadi diberikan lebih daripada satu kerja dalam ertikata bahawa kalau umpamanya kita memberikan kerja-kerja untuk mengetar, menurut jalan dan sebagainya maka kita memberikan kerja-kerja ini kepada beberapa sekolah. Selain daripada itu ada juga kontraktor-kontraktor Bumiputera tadi yang mengendalikan umpamanya tiga jenis kerja seperti kalau saya beri contoh di sini kerja-kerja yang kita berikan kepada Syarikat Atasan Sdn. Bhd.

#### **PROJEK NS TIMOR— KEMAJUAN DICAPAI**

**6. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Projek NS Timor dari segi tiap-tiap aspek pembangunan sejak ianya dilancarkan di Batu Kikir pada tahun 1980 mengikut daerah-daerah di kawasan tersebut.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, sejak Projek Negeri Sembilan Timor dilancarkan, beberapa projek pertanian dan infrastruktur telah dilaksanakan di kawasan itu.

Pembinaan sistem perairan telah disiapkan di 5 buah skim Jabatan Parit dan Taliair yang meliputi kawasan seluasnya 341 hektar yang akan ditanam dengan padi dua kali setahun. Skim-skim Jabatan Parit dan Taliair tersebut ialah Gemenceh Lama, Kampung Bangka Ulu di daerah Tampin, Ulu Jelebu di daerah Jelebu, Ampang Jeram di daerah Kuala Pilah dan Solok Bangkong di daerah Rembau. Bagi menggantikan tanaman getah tua seluas 756.5 hektar telah ditanam semula dengan getah dan kelapa sawit. Daerah yang terlibat adalah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin.

Dari segi projek-projek ternakan pula sebanyak 50 ekor lembu telah diagihkan kepada 28 penternak di daerah Jempol dan Kuala Pilah dalam peringkat pertamanya.

Pembinaan infrastruktur juga adalah diutamakan untuk memberi khidmat bimbingan dan teknikal kepada petani. Pembinaan infrastruktur ini meliputi pembinaan bangunan Pusat Pengumpulan Susu di Kuala Pilah dan Gemenceh Lama, Pusat Latihan Kejenteraan di Chembong Rembau, Pusat-pusat Perkembangan Kecil di Jempol dan Kuala Pilah serta Pusat-pusat Kemajuan Peladang di Rembau, Tampin, Kuala Pilah dan Jempol.

Jalan-jalan luar bandar dan ladang yang telah dibina adalah sepanjang 89 kilometer iaitu di daerah Kuala Pilah, Tampin, Jelebu, Jempol dan Rembau.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Berapakah perbelanjaan Projek Negeri Sembilan Timor untuk tahun 1984, adakah dikurangkan perbelanjaannya itu daripada tahun 1983 ataupun ditambah dan bahagian-bahagian yang mana perbelanjaan itu yang lebih diutamakan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1984 ialah \$8.54 juta dan

saya perlukan notis tentang butir-butir bagaimana peruntukan ini akan dibelanjakan.

### DASAR PENSWASTAAN

**7. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pendekatan atau dasar pendidikan akan berubah bagi memastikan kejayaan "Dasar Penswastaan" yang sedang pesat dijalankan.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, gagasan "penswastaan" dalam konteks Kementerian Pelajaran tidak akan semua sekali mengubah atau menjejaskan dasar pelajaran kebangsaan dan juga pendekatan-pendekatan yang diamalkan selama ini.

Perlu diingat bahawa Dasar Penswastaan hanyalah merupakan satu konsep pendekatan sahaja dan bukanlah boleh diamalkan secara meluas serta menyeluruh setiap bidang pembangunan sosio-ekonomi negara.

Pada pandangan saya adalah beberapa bidang tertentu sahaja mungkin boleh dipraktikkan "Dasar Penswastaan" dalam bidang pendidikan. Kementerian Pelajaran perlu berhati-hati kerana bidang pendidikan berlainan daripada perkhidmatan awam yang lain. Di antara peranan utamanya ialah menyumbang ke arah perkembangan kemanusiaan (human development) di mana pengagihan sumber kekayaan negara secara adil dan sama rata sangatlah diutamakan. Seperti peluang mendapatkan tempat belajar, peluang memperolehi pendidikan dengan saksama dan peluang menikmati kemudahan pelajaran yang sama rata. Media yang difikirkan paling berkesan bagi mencapai maksud tadi ialah melalui agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran. Lagi pula pada masa ini didapati tidak ada apa-apa cacat-celanya dengan dasar pelajaran kebangsaan kita. Andainya

terdapat sebarang kelemahan dalam pelaksanaan dasar tersebut kita telah pun menemui punca penyelesaiannya melalui perakuan-perakuan Laporan Kabinet Mengenai Pelajaran, 1979. Tegasnya setakat ini rasanya belum wujud satu keadaan yang boleh dianggap darurat sehingga memerlukan saya atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam pendidikan untuk mengambil langkah penswastaan.

Namun begitu, pihak Kementerian sedang mengkaji dengan teliti aspek-aspek yang memungkinkan penswastaan iaitu aspek-aspek yang terjamin tidak menjejaskan prestasi sahaja yang akan dicadangkan untuk dipertimbangkan.

### PASUKAN POLIS— PRESTASI

**8. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa prestasi pasukan polis kita jauh berbeza dengan prestasi pasukan polis negara-negara yang maju, jika sedar nyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk mengelakkan berlakunya rasuah di kalangan anggota-anggota polis dengan cara menaikkan lagi gaji mereka dan melantik kedet-kedet polis baru yang lulus dari universiti untuk menjaga mutu perkhidmatan yang baik.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar ada terdapat perbezaan prestasi Polis Diraja Malaysia dengan Polis di negara-negara maju. Kita tidak dapat mengukur prestasi sesebuah organisasi Polis secara perbandingan dengan tepat memandangkan struktur masyarakat yang berbeza dari segi nilai-nilai budaya, sosio ekonomi dan sistem pemerintahan di antara negara-negara maju dengan negara-negara lain termasuk Malaysia. Sumbangan

dan prestasi Polis Diraja Malaysia umumnya adalah standing dengan Polis negara-negara yang maju. Polis Diraja Malaysia telah membuktikan kecekapan dan menunjukkan prestasi perkhidmatan yang membanggakan. Polis Diraja Malaysia telah berjaya menjalankan tanggungjawabnya dalam mengekalkan kedaulatan undang-undang, memelihara keamanan dan ketenteraman negara, membenters jenayah dan penganas-penganas komunis serta mempunyai sistem risikan keselamatannya yang terbaik di rantau ini. Memandangkan hakikat ini, Kerajaan sangat bangga dengan prestasi dan sumbangan yang telah ditunjukkan oleh Polis Diraja Malaysia kepada negara.

Sesebuah organisasi perkhidmatan yang besar tidak dapat mengelakkan daripada berlakunya rasuah di kalangan anggota-anggotanya seperti juga Polis Diraja Malaysia. Tambahan pula negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk mempunyai berbagai nilai budaya dan sosio-ekonomi yang boleh membuka jalan ke arah berlakunya rasuah dalam organisasi itu. Tetapi sukacita saya memaklumkan bahawa hanya sebilangan kecil anggota-anggota Polis Diraja Malaysia yang terlibat dengan rasuah. Dalam tahun 1983 ini hanya terdapat 0.003% anggotanya sahaja yang melakukan perbuatan itu.

Dengan menyedari hakikat ini Polis Diraja Malaysia telah mengatur rancangan-rancangan untuk mengelak dan membenters dari berlakunya kegiatan rasuah. Semenjak 1-1-76 Cawangan Tatatertib ditubuhkan. Cawangan ini telah, sedang dan akan mengawasi serta bertindak ke atas anggota-anggota yang terlibat dengan rasuah, di samping mengadakan ceramah-ceramah bercorak akhlak untuk memperbaiki taraf disiplin anggota-anggota Polis Diraja Malaysia. Setiap pengaduan dan tohmahan mengenai rasuah adalah disiasat dengan rapi dalam usaha

membersihkan Polis Diraja Malaysia dari gejala-gejala rasuah. Kerajaan juga akan melaksanakan hukuman-hukuman tatatertib yang berkesan kepada anggota-anggota yang curang bagi tujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya satu pasukan yang berdisiplin.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan berpendapat cadangan Yang Berhormat untuk menaikkan lagi gaji anggota-anggota Polis bukanlah merupakan jalan penyelesaian yang baik untuk mengelakkan berlakunya rasuah. Taraf gaji anggota-anggota Polis adalah di antara skim gaji yang terbaik dan memuaskan berbanding dengan Perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengambil Kadet Penolog Penguasa Polis dari lulusan universiti. Bahkan dalam exercise pengambilan yang lalu ramai graduan-graduan telah diambil untuk berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia.

## MAJUIKAN—PENSWASTAAN

**9. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan bila MAJUIKAN akan diswastakan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, MAJUIKAN atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mengikut Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, berfungsi untuk, Pertama, memperbaiki sosio-ekonomi nelayan dan kedua, memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara.

Untuk tujuan di atas berbagai program dan projek telah dilaksanakan bertujuan meninggikan taraf sosio-ekonomi nelayan. Dengan sebab itu adalah tidak mungkin Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini akan diswastakan. Yang mungkin diswastakan ialah projek-projek perniagaan dan perusahaan yang

dusahakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sendiri seperti kilang air batu dan ternakan ikan dan udang.

### LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)— MEMPERKUKUKKAN

**10. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Pertanian menyatakan tindakan yang diambil bagi memperkukuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya ia benar-benar berkesan dalam menjalankan tujuan dan khususnya sepertimana diperuntukkan dalam Akta Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan lagi peranan dan perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang dengan mengkaji semula keseluruhan kegiatan Lembaga Pertubuhan Peladang dengan mengkaji semula keseluruhan kegiatan Lembaga Pertubuhan Peladang semenjak ditubuhkan pada tahun 1973. Hasil dari kajian ini, pertama, LPP telah disusun semula peranannya dengan memesatkan lagi tugas-tugas untuk memajukan pertubuhan-pertubuhan peladang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1983.

Kedua, LPP juga diberi peranan utama bagi merancang dan melaksanakan program khidmat kejenteraan dan pengangkutan kepada Pertubuhan Peladang.

Ketiga, supaya LPP merancang kegiatan latihan untuk ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Pertubuhan Peladang secara besar-besaran dan efektif.

Memandangkan peranan dan kegiatan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang adalah berkait rapat dengan lain-lain jabatan dan agensi di Kementerian Pertanian beberapa langkah tegas telah diambil supaya kegiatan-kegiatan itu dapat diselesaikan dengan lebih kemas dan berkesan lagi. Bidang penyelarasan meliputi:

- (a) Penyusunan semula kawasan sempadan 2L atau Lawatan dan Latihan dan "YP" atau Yunit Peladang. Perlantikan pemimpin 2L dan YP juga diselenggarakan;
- (b) diadakan penyelarasan kegiatan pemasaran di antara FAMA dan LPP. Jawatankuasa Tetap ditubuhkan di peringkat Nasional, Negeri dan Daerah;
- (c) diadakan juga penyelarasan mengenai hasil-hasil penyelidikan di antara MARDI dan LPP. Dengan cara ini diharap proses pemindahan teknologi dapat dilaksanakan dengan jayanya.
- (d) Bank Pertanian Malaysia dan LPP telah juga diarahkan supaya membantu satu sama lain di dalam penyaluran bantuan kewangan kepada peladang-peladang. Jawatankuasa Tetap telah juga ditubuhkan di semua peringkat.
- (e) Peranan LPP di dalam pelaksanaan projek IADP sedang dikaji semula untuk mendatangkan kekesanan.

Lembaga Pertubuhan Peladang telah diarah supaya menganjurkan latihan-latihan profesional untuk pegawai-pegawai terutama Pengurus-pengurus Besar supaya pengurusan Pertubuhan Peladang Kawasan dapat dipertingkatkan.

## HELIKOPTER UNTUK ANGKATAN TENTERA— PEMBELIAN

**11. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk membeli helikopter jenis HBO 105, AVIOCAR NC—212 dan SA-330 Super Puma jika didapati sesuai digunakan untuk Angkatan Tentera kita.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, kajian dan mengenalpasti pesawat-pesawat baru bagi keperluan Angkatan Tentera sentiasa dijalankan. Kajian-kajian seperti ini adalah dibuat berdasarkan faktor-faktor yang berkaitan dengan kehendak dan keperluan pertahanan negara kita. Sesuatu jenis pesawat hanya dibeli jika didapati sesuai untuk kegunaan Angkatan Tentera kita. Pada masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk membeli jenis-jenis helikopter yang disebut oleh Yang Berhormat itu.

## BANK SIMPANAN NASIONAL—PENYATA TAHUNAN PENYIMPAN

**12. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mengeluarkan penyata kira-kira tahunan untuk tiap-tiap penyimpan dalam Bank Simpanan Nasional sepertimana yang dibuat oleh Tabung Haji.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, pihak Bank Simpanan Nasional dan Kementerian Kewangan tidak ada rancangan untuk mengeluarkan Penyata Kira-kira Tahunan untuk penyimpan-pemimpan yang sekarang berjumlah 5 juta orang. Memandangkan bahawa semua penyimpan telah diberikan buku akaun

yang ada dalam simpanan masing-masing. Di samping itu semua transaksi wang masuk atau wang keluar akan direkodkan dalam buku akaun apabila transaksi tersebut dilakukan. Oleh yang demikian, catatan dalam buku akaun ada menunjukkan penyata kira-kira tahunan yang lengkap bagi penyimpan itu sendiri.

## UNIVERSITI MALAYA KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR

**13. Puan Ragayah binti Ariff** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa UM kekurangan tenaga pengajar buat masa ini berikutan dengan berpindah mereka bekerja di sektor swasta, dan sama ada perkara ini akan menjejaskan perkembangan pelajaran di universiti itu.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, adalah benar pada masa ini Universiti Malaya sedang menghadapi kekurangan tenaga pengajar di dalam beberapa fakulti tertentu. Ingin dimaklumkan kekosongan jawatan-jawatan tersebut bukanlah semata-mata kerana perletakan jawatan tenaga pengajarnya termasuk yang berpindah bekerja ke sektor swasta. Kekurangan ada juga disebabkan jawatan-jawatan yang diwujudkan belum dapat diisikan. Namun demikian, saya ingin menjelaskan kekosongan jawatan-jawatan tersebut tidak menjejaskan perkembangan pengajaran dan pembelajaran universiti berkenaan kerana antara langkah-langkah mengatasinya, Pensyarah-pensyarah sambilan telah diambil untuk mengendalikan kursus-kursus berkenaan. Begitu juga kekosongan jawatan-jawatan itu adalah untuk sementara sahaja kerana seramai 34 orang kakitangan dijangka kembali sebelum bulan Julai 1984 dari luar negeri setelah menamatkan latihan

mereka dan latihan ini adalah d bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera. Kakitangan ini akan mengisi beberapa jawatan Pensyarah yang kosong tertakluk kepada kesesuaian kelayakan mereka.

Perlu saya jelaskan sekali lagi bahawa kekosongan-kekosongan jawatan tenaga pengajar di Universiti Malaya itu bukanlah masalah yang membimbangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah serupa ini juga dihadapi oleh lain-lain universiti dan langkah-langkah yang hampir serupa juga diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

#### **KADAR BAYARAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA**

**14. Dato' S. Govindaraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau dapat memberi pertimbangan untuk menetap dan menyelaraskan bayaran kepakaran dengan kadar yang berpatutan bagi pusat-pusat perubatan swasta memandangkan bahawa bayaran kepakaran itu terlalu tinggi sekarang.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang Dipertua, bagi pihak Menteri Kesihatan saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk menetap dan menyelaraskan kadar bayaran kepakaran bagi pusat-pusat perubatan atau hospital-hospital swasta.

**Tuan Basharon bin Hanapiah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Kementeriannya sedar ada pusat-pusat perubatan dan klinik telah mengeluarkan surat cuti kepada pesakit yang tidak sakit. Kalau sedar, adakah Kementerian bercadang supaya di masa akan datang semua surat cuti dikeluarkan oleh hospital sahaja?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, jikalau seseorang doktor mengeluarkan sijil sakit kepada pesakit yang tidak sakit, doktor itu adalah melanggar undang-undang atau peraturan dan harus dilaporkan kepada pihak Majlis Perubatan ataupun Malaysian Medical Council. Jikalau kita hendak mewajibkan semua pesakit dapat sijil dari hospital sahaja kemungkinan hospital-hospital Kerajaan tidak boleh memikul beban kerja itu.

#### **TANAH TERBIAR—KELUASAN**

**15. Puan Hajjah Hafsa binti Osman** minta Menteri Pertanian menyatakan keluasan tanah-tanah terbiar didapati sehingga sekarang dan nyatakan tindakan segera yang akan diambil oleh Kementerian untuk memulihkan tanah-tanah tersebut.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, keluasan tanah terbiar di seluruh negara sekarang adalah berjumlah 149,849.7 hektar atau 390,278.6 ekar.

Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengenalpasti kawasan-kawasan tanah sawah terbiar di tiap-tiap buah negeri di Semenanjung Malaysia. Sawah-sawah terbiar ini akan dipulihkan secara berperingkat-peringkat meliputi keluasan sekurang-kurangnya 10% dari jumlah kawasan terbiar di tiap-tiap negeri setahun. Tiap-tiap projek yang hendak dipulihkan akan dikaji dengan mendalam untuk menilai potensi pastijaya dan projek yang pastijaya sahaja akan dipulihkan.

Bagi tanah-tanah terbiar bukan sawah, usaha pemulihannya dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.



**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Pada dua tiga bulan yang lepas Menteri Pertanian menyatakan pihaknya telah berusaha untuk memulihkan tanah terbiar di Seberang Perai. Pada hari ini saya ingin tahu setakat mana kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Pulau Pinang termasuk Seberang Perai sebanyak 3,808.9 hektar sawah padi telah dipulihkan.

Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya oleh kerana begitu luasnya tanah terbiar di dalam negara kita ini terutama yang kita lihat iaitu tanah sawah yang mana kalau kita lalu ataupun berjalan pergi ke Seremban atau ke Johor, kita akan lihat tanah sawah yang terbiar begitu luas padahal pada mulanya dahulu tanah-tanah tersebut bukan main baik padinya tetapi sekarang tidak. Yang saya nampak sebab-sebabnya ialah kekurangan air. Oleh itu, apakah tindakan Kerajaan ataupun pihak Kementerian Pertanian untuk mengatasi, bukan disebabkan orang kampung tidak hendak bertanam padi tetapi mereka ini susah untuk mendapatkan air kerana sungai-sungai sekarang ini airnya jauh ke bawah tetapi sawah-sawah di atas tidak mendapat air. Oleh itu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan.

Yang kedua, bolehkah pihak Kementerian Pertanian mengubahsuai ataupun memberi kebenaran kepada tuan-tuan tanah yang terbiar ini iaitu terutama tanah sawah supaya dibolehkan mereka ini untuk bertanam getah ataupun kelapa dan sebagainya.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk

mengairkan sesuatu tempat yang dianggap sesuai untuk padi, Jabatan Parit dan Taliair ditugaskan membuat sistem perparitan dan taliair. Jadi itulah langkah untuk mengatasi masalah kekurangan air. Walau bagaimanapun oleh kerana kos sistem perparitan itu sangat tinggi, jadi Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada beberapa kawasan yang tertentu seperti kawasan MADA, kawasan Sungai Krian, Sungai Manik, KADA dan sebagainya.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sama ada pihak tuan tanah boleh tukar dari padi ke tanaman yang lain, itu adalah di dalam tanggungjawab Jabatan Tanah tetapi dari segi Kementerian Pertanian, kami memang menggalakkan.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak berapa lama dahulu sibuk juga kita memperkatakan berkenaan dengan rancangan mini estet, jikalau saya tidak silap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada menyebut berkenaan dengan konsep mini estet. Tidakkah dapat konsep mini estet ini disesuaikan dengan pembangunan tanah-tanah terbiar ini kerana saya nampak keluasan (acreage) tanah terbiar ini terlampau banyak, cukup besar, cukup luas; jikalau setakat 3,000-4,000 ekar sahaja yang diusahakan dalam masa setahun katakan, ini akan memakan masa yang amat panjang dan juga pada masa sekarang ini Kerajaan sibuk dengan industri, dengan investment dan sebagainya. Betulkah jika saya katakan bahawa pembangunan tanah terbiar ini mendapat "back seat", dengan izin, iaitu perkara yang kedua dan kita utamakan hanya berkenaan dengan industri sahaja?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat

kerana mengemukakan soalan yang sangat membina sekali. Kerajaan memanglah bertujuan seberapa banyaknya boleh menggunakan konsep ladang mini atau mini estet untuk memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar kerana di sebuah ladang yang luasnya lebih kurang 40 ekar atau lebih, petani-petani mendapat, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, economies of scale, dan juga jentera dapat diperkenalkan ke tempat itu untuk menjimatkan tenaga.

Di Seberang Perai seperti yang dibangkitkan oleh seorang lagi Ahli Yang Berhormat, satu badan swasta iaitu Koperasi Gabungan Negeri telah berjaya melaksanakan konsep mini estet ini dan itulah sebabnya kawasan tanah sawah yang dipulihkan di Seberang Perai tinggi sekali. Kerajaan pun sedang merancang di kawasan padi yang baru iaitu di kawasan Endau/Rompin untuk dilaksanakan mengikut konsep mini estet.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat sama ada kerja pemulihan tanah terbiar ini diberi keutamaan atau tidak oleh Kerajaan, saya susahlah hendak jawab kerana bagi tahun 1984 Kementerian Pertanian cuma diperuntukkan sebanyak \$1 juta untuk pemulihan tanah-tanah terbiar. Kami telah diberitahu bahawa oleh kerana keadaan ekonomi sekarang jadi peruntukan harus dipotongkan dan kami haraplah sekiranya keadaan ekonomi bertambah baik Kementerian dapat lebih peruntukan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar.

#### **SURAT SEKOLAH-SEKOLAH— POS PERCUMA**

**16. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau bercadang memberi perkhidmatan pos percuma bagi surat-surat keluaran sekolah-sekolah di negara ini memandangkan sekolah

juga sebahagian dari Jabatan Kerajaan, jika tidak, nyatakan sebab-sebab.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk memberi perkhidmatan pos percuma bagi surat-surat yang diposkan oleh sekolah-sekolah Kerajaan di negara ini oleh kerana pemberian kewangan telah pun diberikan oleh Kementerian Pelajaran. Pemberian Kewangan itu termasuk perbelanjaan untuk membeli setem.

#### **SEKTOR PERUSAHAAN AWAM— KAJIAN DIRAJA (ROYAL COMMISSION)**

**17. Tuan D. P. Vijandran** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keadaan yang kurang memuaskan di dalam sektor perusahaan awam sama ada beliau ada rancangan untuk membuat satu Kajian Diraja (Royal Commission) dengan tujuan supaya sektor-sektor ini dapat diuruskan dengan lebih cekap dan menguntungkan lagi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat satu kajian di Raja (Royal Commission) mengenai perkara ini kerana bukannya semua agensi dalam sektor perusahaan awam menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan. Terdapat beberapa agensi di sektor perusahaan awam yang telah mencapai tahap kejayaan yang memuaskan dan mencapai keuntungan serta memberi sumbangan yang bermakna di dalam pembangunan negara sekarang.

Walau bagaimanapun, memang diakui terdapat juga beberapa agensi di sektor perusahaan awam ini mengalami kerugian disebabkan

beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian bagi mengawasi dan mengawali perjalanan perusahaan-perusahaan awam secara keseluruhannya supaya agensi yang berkenaan dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih bermakna dan memuaskan beberapa cara pengawalan dan pengawasan telah dilakukan iaitu:

- (1) melantik wakil-wakil Kerajaan di dalam Lembaga-lembaga Pengarah di syarikat-syarikat yang berkenaan;
- (2) pengawasan secara langsung oleh Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab termasuklah Jabatan Perdana Menteri sendiri;
- (3) taklimat-taklimat oleh pihak perusahaan awam yang berkenaan kepada Majlis Tindakan Negara dan juga Majlis Tindakan Negeri mengikut mana yang berkenaan; dan
- (4) penubuhan sistem maklumat pengurusan yang berkesan di peringkat perbadanan awam serta sistem maklumat yang berpusat di agensi mengawal.

Langkah-lagkah juga sedang diambil untuk mengujudkan sistem amaran awal (early warning system) yang akan dapat mengesan lebih awal akan kelemahan tiap-tiap satu agensi perusahaan awam itu.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam perusahaan-perusahaan awam, setakat manakah tanggungannya? Kalau perusahaan awam itu rugi bagaimana kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan yang ditempatkan di dalam perusahaan awam ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, adalah diharapkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik untuk menduduki sebagai Lembaga-lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan adalah terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, jika penyelewengan terdapat dilakukan oleh pegawai-pegawai berkenaan, pihak Kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Soalan No. 18.

#### RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT—PERUNTUKAN NEGERI PERAK

**18. Puan Nen Abidah binti Abdullah** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa negeri Perak hanya mendapat peruntukan sebanyak 1.83 billion ringgit dalam Rancangan Malaysia Keempat, jumlah yang keenam besarnya kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain walaupun negeri Perak merupakan salah sebuah negeri yang terbesar serta jumlah penduduk yang teramai sekali.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, peruntukan yang disediakan bagi negeri Perak di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah \$2.83 billion dan bukannya \$1.83 billion seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa saiz dan jumlah penduduk bukanlah merupakan faktor mutlak yang menentukan pembahagian peruntukan kepada negeri-negeri di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi negara yang seimbang di antara wilayah, negeri dan daerah di seluruh negara, beberapa faktor lain adalah juga diambil kira. Di antara faktor tersebut termasuklah ketidakseimbangan ekonomi di antara negeri-negeri dari segi pendapatan dan kadar kemiskinan, sumber-sumber alam semula jadi, kemudahan-kemudahan sosio dan infrastruktur di samping penyertaan Bumiputera di dalam kegiatan-kegiatan sektor moden. Setiap faktor ini akan diberi wajar (weightage) dan wajar tersebut akan digunakan di dalam proses pengagihan peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri. Negeri yang menduduki tahap pembangunan sosio-ekonomi yang paling rendah berdasarkan kepada petunjuk wajar tersebut akan diberi keutamaan di dalam pengagihan peruntukan pembangunan.

#### TANAH TERBIAR— JUMLAH KELUASAN

**19. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) luas tanah yang terbiar yang telah dipulihkan di seluruh negara;
- (b) negeri-negeri mana yang ada banyak tanah-tanah terbiar;
- (c) negeri mana yang ada banyak sekali tanah-tanah terbiar yang telah dipulihkan dan jenis tanaman yang ditanam di atas tanah-tanah.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua,

- (a) Sehingga kini Kementerian Pertanian telah selesai memulihkan seluas 8,403.9 hektar tanah sawah terbiar daripada sejumlah 11,022.6 hektar yang telah diluluskan pemulihannya. Jumlah ini tidak

termasuk tanah bukan sawah yang dipulihkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

- (b) Mengikut perangkaan yang ada, Negeri Kelantan mempunyai keluasan tanah sawah terbiar yang terluas sekali iaitu 82,049 hektar, diikuti oleh negeri Terengganu 17,130 hektar, Negeri Sembilan 14,427 hektar, Perak 11,771 hektar, Pahang 11,621 hektar dan lain-lain negeri yang mempunyai keluasan yang lebih kecil.
- (c) Buat masa ini Negeri Kelantan mempunyai keluasan tanah sawah terbiar yang telah dipulihkan paling luas iaitu 3,919 hektar diikuti oleh Pulau Pinang 3,809 hektar, Negeri Sembilan 267 hektar, Pahang 117.8 hektar, Terengganu 109 hektar, Perak 101 hektar dan lain-lain negeri dengan keluasan yang lebih kecil. Boleh dikatakan keseluruhannya dipulihkan dengan tanaman padi dua kali setahun.

**Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim:** Soalan tambahan. Belanja pemulihan tiap-tiap tanah yang dipulih, yang terbiar itu adakah diberi subsidi oleh Kerajaan atau dituntut balik belanjanya kepada tuan-tuan tanah?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, saya kurang faham, bolehkah minta Yang Berhormat mengulangi?

**Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim:** Belanja pemulihan tanah yang terbiar, adakah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan atau dituntut balik oleh Kerajaan kepada tuan-tuan tanah.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan ada memberi bantuan.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih jawapan Menteri tadi menyebut negeri Kelantan, negeri yang banyak sekali telah pun memulih tanah-tanah yang terbiar. Soalan saya apakah rancangan Kementerian berkenaan bagi tanah-tanah yang masih terbiar dari hari ini atau masa-masa hadapan, apakah rancangan untuk mengatasi tanah-tanah yang masih ada terbiar?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi semasa menjawab soalan yang lain, Kerajaan merancang kalau dapat lebih kurang 10% tanah terbiar dipulihkan setahun, dengan perkataan lain masalah ini dihadapi dengan cara berperingkat-peringkat. Kementerian Pertanian memang boleh memulihkan lebih tanah terbiar sekiranya dapat lebih peruntukan daripada agensi-agensi pusat.

**Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim:** Soalan tambahan. Yang itu dikatakan semuanya tanah-tanah terbiar kepada tanah sawah sahaja, tetapi kepada tanah-tanah terbiar yang bukan sawah ertinya tanah dusun dan sebagainya, adakah dalam perhatian Kerajaan atau dibiarkan begitu sahaja?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, untuk menjelaskan bukan sahaja Kementerian Pertanian yang terlibat dalam kerja memulihkan tanah terbiar, Kementerian lain seperti Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pun terlibat dengan tanah-tanah bukan sawah, ini di bawah tanggungjawab Kementerian lain.

#### SOALAN NO. 20 DITARIK BALIK

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang Dipertua, saya tarik balik Soalan No. 20 kerana Yang Berhormat Menteri sudah jawab soalan seperti ini pada hari Selasa.

#### TEMBAKAN KAPAL TERBANG KOREA SELATAN OLEH RUSSIA—TINDAKAN MALAYSIA

**21. Dato' Yap Peng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang beliau akan ambil terhadap perbuatan Russia yang tidak berperikemanusiaan menembak dan menjatuhkan kapal terbang awam Korea Selatan baru-baru ini.

9-12-83

**9. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah politik dan diplomatik akan diambil terhadap Russia mengenai penembakan kapal terbang awam Korea Selatan baru-baru ini; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil.

16-2-83

**9. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan peristiwa KAL Jumbo Jet 747 yang ditembak jatuh oleh Russia awal September 1983 yang lalu, sama ada Kerajaan bercadang hendak menggantungkan hubungan Diplomatik antara Malaysia dengan Russia ataupun memutuskan hubungan sama sekali; jika tidak nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi bertindak balas.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan-soalan lain daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee pada 9-12-83 dan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun

pada 16-12-83 yang mana adalah sama atau bertujuan sama seperti soalan dari Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita telah mengambil beberapa tindakan tegas bagi menyatakan kekesalan kita yang amat sangat serta bagi menyampaikan bantahan negara terhadap tindakan Soviet Union menembak jatuh kapal terbang awam Republic Korea pada 1hb September yang lalu. Di samping mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan tersebut dalam beberapa kenyataan Kerajaan kita juga telah mendesak pihak Soviet Union memberi suatu penjelasan yang memuaskan pada masyarakat antarabangsa di atas tindakan yang tidak berperikemanusiaan itu.

Kita juga telah mendesak supaya negara itu membayar ganti rugi yang memuaskan kepada mangsa-mangsa keganasan tersebut. Pihak Duta Besar Soviet Union di Malaysia telah juga dipanggil ke Wisma Putra di mana bantahan dan desakan ini telah disampaikan dengan rasminya.

Kerajaan kita juga telah mengambil beberapa tindakan lain termasuklah:

Pertama, mengambil bahagian cergas dalam sidang tergepar Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan menjadi penganjur bersama resolusi yang mengutuk tindakan Kerajaan Soviet itu meminta trajidi tersebut disiasat dengan sepenuhnya dan menuntut ganti rugi bagi mangsa-mangsa di bawah undang-undang antarabangsa.

Kedua, mengambil bahagian di Persidangan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAL) di Montreal di mana Malaysia telah dengan tegasnya menyokong langkah-langkah berikut:

(a) mengadakan penyiasatan sepenuhnya oleh ICAL;

(b) meminta kerjasama dari semua pihak untuk menjayakan penyiasatan tersebut.

(c) mengarahkan Setiausaha Agong ICAL melaporkan tentang sejauh manakah negara-negara ahli ICAL mematuhi Chicago Convention, dengan izin, iaitu satu perjanjian antarabangsa mengenai keselamatan penerbangan awam; dan

(d) mengarahkan Suruhanjaya Penerbangan Udara (Air Navigation Commission) sebuah badan yang tertakluk kepada ICAL supaya dengan sertamerta menyemak semua peruntukan dan kandungan Chicago semoga kejadian buruk itu tidak berulang lagi.

Selain dari langkah-langkah tersebut Kerajaan juga membatalkan rancangan seorang pegawai kanan Kementerian Luar Negeri Soviet yang seharusnya diadakan pada 13hb hingga 15hb September yang lalu. Di samping itu cadangan lawatan Kumpulan Ballet dari USSR dan beberapa kegiatan lain negara itu juga telah ditangguhkan, kerana difikirkan tidak sesuai untuk diadakan buat masa ini.

Berhubung dengan perkara ini Kerajaan juga berfikir bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh kita haruslah seboleh-bolehnya diselaraskan dengan negara-negara lain. Ini adalah memandangkan sebarang langkah yang itu seharusnya sesuatu yang boleh dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian Kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah yang kita ambil setakat ini berhubung dengan trajidi tersebut.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 adalah diberi di bawah ini).*

## AUSTRALIA— ISU KAMPUCHEA

**22. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat mana benarnya kenyataan Perdana Menteri Australia yang pertikaian negaranya dengan Asean mengenai masalah Kampuchea sudah tidak terkawal lagi dan apa pula usaha-usaha positif yang diusahakan oleh pihak Asean bagi mengatasi pertikaian ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Saya ingin maklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini sudahpun diberi dalam Dewan yang mulia ini pada 6-12-83 semasa saya menjawab Soalan dari Yang Berhormat Encik D.P. Vijandran.

Saya tidak ada apa-apa tambahan pada jawapan ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb Disember, 1983)

3.37 ptg.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menyambung sedikit lagi perbahasan saya mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang Dipertua, semalam saya sampai kepada Kementerian Dalam Negeri. Sekarang ini saya sambung semula kepada Kementerian yang lain iaitu Kementerian Pelajaran, Maksud B. 28.

Pada 22-11-83 satu kenyataan daripada Kementerian Pelajaran mengatakan :

"Kita masih menghadapi masalah kekurangan kira-kira 3,200 orang guru mulai penggal pertama persekolahan tahun depan."

Maknanya tahun 1984 termasuk lebih 2,000 orang guru berkelulusan universiti.

Tuan Yang Dipertua, perancangan telah dibuat sekian lama untuk mencukupkan jumlah guru, mengapakah dan di manakah silapnya sehingga kedapatan jumlah kekurangan guru yang sebegitu banyak? 3,200 orang guru kurang, kalau kita darabkan kepada jumlah murid tentu akan mengorbankan berpuluh ribu murid-murid yang tidak akan mendapat bimbingan dan pimpinan secukupnya.

Tuan Yang Dipertua, kita sedar kekurangan tenaga pengajar ini dari beberapa sumber, dari beberapa sebab yang tidak dapat hendak dielakkan.

Saya mencadangkan kalaulah barangkali Maktab Perguruan itu tidak dapat menampung untuk mengisi jumlah kekurangan guru-guru yang sebegitu banyak, saya mengesyorkan apa salahnya kalau Kementerian Pelajaran membuat satu cara baru iaitu mengadakan satu Maktab Perguruan belanja sendiri, siapa yang hendak jadi guru untuk masuk ke Maktab Perguruan selama dua tahun atau tiga tahun selain daripada syarat-syarat yang memang telah dijalankan selama ini kemudian adakan calon-calon yang belanja sendiri, sebab sekarang banyak sekolah-sekolah swasta yang anak-anak kita yang hendak belajar lagi dia sanggup keluaran belanja belanja asrama, belanja bayaran sekolah, belanja beli buku dan kalau itu dimasukkan, dijadikan salah satu Maktab Perguruan yang belanja sama lebih kurang dia belajar lagi ambil STP dan dalam tempoh 2 tahun, kalau dia

ambil Tingkatan VI Rendah hingga Tingkatan VI Atas kalau dia masuk dalam Maktab yang belanja sendiri tadi kemudian dia periksa dan dia lulus, maka dia disahkan sebagai guru terlatih daripada Maktab Perguruan belanja sendiri.

Jadi mereka telah berkorban wang ringgitnya untuk melayakkan dirinya sebagai seorang guru dengan belanja sendiri untuk menolong negara mengatasi kekurangan guru. Ini cadangan saya, Tuan Yang Dipertua, kalau boleh difikirkan ini adalah satu jalan singkat untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru.

Tuan Yang Dipertua, soal lain mengenai dengan Kementerian Pelajaran ini berkenaan kedudukan atau penempatan seorang guru yang kadang-kadang ditempatkan terlalu lama di luar bandar sehingga menjangkau masa hendak bersara, terus-terus dia di kampung dan ada guru yang terus-terus di keliling bandar. Ini menimbulkan rasa kegelisahan di kalangan guru-guru yang terlibat. Lain sebab kalau guru perempuan mengikut suaminya bertukar bertugas di pejabat, di Kementerian, di bandar, dia ikut ke bandar, itu lain sebab. Ini ada sebab, saya tidak menimbulkan masalah itu, tetapi guru yang memang semata-mata ditempatkan di luar bandar sampai hendak bersara. Ini menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan guru-guru yang terlibat yang ramai di seluruh tanahair kita. Hingga mereka ini merasakan tua, dia cakap, maknanya ibarat kalau buah pinang, dia kata 'kotai di kampung sahajalah'. Hendak harap duduk senang, kereta berkilat macam orang bandar, jangan harap. Harap-harap esok sudah tua, hendak duduk senang, tumpang anak duduk di bandar.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran, khususnya Bahagian Pentadbiran atau Bahagian Semakan Semula Gaji, iaitu

diharap supaya kedudukan guru-guru yang diberi taraf D1 ini nasibnya supaya dapat diperbaiki. Mereka ini kerana telah bekerja lama sebelum merdeka, mereka hendak belajar, hendak ambil SPM pun sudah tak larat lagi, tetapi dengan adanya khidmat mereka sekian lama, dengan kegigihan sekian lama supaya nasib guru-guru D1 ini dapat diperbaiki nasibnya, sama ada dari segi penempatannya yang terutama sekali dari segi gaji.

Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan penggredan sekolah-sekolah. Sekarang ini dijalankan sistem gred A, B, C, D sekolah-sekolah. Murid-murid yang belajar di sekolah A tidak akan ada peluang besar untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh, malahan yang saya tahu daripada perbualan guru-guru sendiri, perbualan ibubapa, sekolah yang akan menerima murid-murid yang dapat 5A atau 4A 1B ini pun hanya beberapa buah sekolah sahaja.

Masalah yang saya hendak sebutkan sekolah yang diiktiraf sebagai gred A ini sekolah dalam bandar. Bandar ini bandar yang macam mana, Tuan Yang Dipertua? Katakanlah saya sebut Sekolah Kebangsaan Sri Langat di Pekan Banting. Banting itu pekan dia pun boleh, bandar pun boleh, orang kampung dia sukalah kalau pekan dia katakan bandar, tetapi tahukah kita bahawa ibubapa yang menghantar anaknya ke Sekolah Kebangsaan Sri Langat di Pekan Banting itu dari orang kampung sekitar. Ertinya orang kampung Sengilan Baru, orang kampung Kanchong Darat, orang kampung Jalan Raba, Batu 6, orang kampung Serdang Belah, orang kampung Sungai Nangka, orang kampung Sungai Lang Tengah dan daripada beberapa ladang getah di keliling sekolah. Jadi kalau sudah anak orang yang berpendapatan rendah, orang kampung memetik kopi, penanam koko, kelapa tadi yang sebahagian besarnya termasuk di dalam istilah 'tanah terbiar', macam



mana kalau anak dia tidak berpeluang pergi kepada sekolah menengah berasrama penuh sekalipun dia mendapat kelulusan 5A atau 4A dan 1B. Jadi masalah penggredan sekolah ini mengikut beberapa perjumpaan PIBG, guru-guru dengan ibubapa, juga perjumpaan siasah, UMNO khasnya membincangkan kedudukan ini supaya dikaji semula.

Kita tahu, kami memahami bahawa pegawai-pegawai yang menjadi juru nasihat, pakar-pakar pelajaran di Kementerian Pelajaran telah menggunakan fikiran sekian lama untuk memperbaiki lagi cara sistem persekolahan kita, tetapi yang tak kena ini ialah cuma kadang-kadang sekolah yang tidak sepatutnya dijadikan gred A dimasukkan kepada gred A. Ini yang sepatutnya kita kaji semula supaya dapat memberi puas hati kepada ibubapa yang duduk di tepi-tepi bandar. Kuala Lumpur sahaja kalau ada sekolah gred A yang menghantar anaknya daripada penduduk rumah haram di tepi-tepi jalan keretapi, adakah orang ini juga tidak berhak, tidak termasuk dalam kalangan orang yang berpendapatan rendah atau golongan miskin.

Tuan Yang Dipertua, lagi satu mengenai dengan Kementerian Pelajaran, dalam perkara ini ingin saya sentuh mengenai dengan Kelas KBSR. Saya difahamkan bahawa alat yang akan digunakan di kelas-kelas KBSR ini sekalipun kelas KBSR ini dalam percubaan, tetapi dari beberapa maklumat yang saya diberi oleh guru-guru yang terlibat sendiri, juga dari ibubapa yang terlibat dengan KBSR ini bahawa belanja untuk menghantar seorang anak duduk dalam kelas KBSR cukup tinggi. Ini tidak sempurna, contoh buku yang saya bawa di dalam Dewan ini, tetapi buku ini memang baik, dikarang oleh Professor Dr Awang Had Salleh, Professor Atan Long, tetapi apabila

dijumlahkan bahawa jumlah buku tidak termasuk alat-alat lain \$200 lebih bagi seorang anak yang akan memasuki kelas KBSR ini, jadi bagaimana? Adakah Kementerian Pelajaran akan memberikan terus subsidi buku teks kepada kelas-kelas KBSR, juga alat-alat yang lain? Kita tidak mahu jadi bangsa subsidi, jangan semua hendak beri, hendak pandai pun hendak minta free, tak jadi juga. Tetapi kalau begini keadaannya bagaimana dengan orang-orang kampung, bagaimana dengan penduduk-penduduk di ladang-ladang yang anaknya nanti akan terlibat dalam kelas-kelas KBSR ini.

Jadi ini minta supaya Kementerian Pelajaran dapat mengkajinya, dapat meneliti balik supaya nanti tidak akan timbul kerciciran sepertimana yang berlaku beberapa tahun yang lalu yang telah dibangkitkan, yang telah ditimbulkan menjadi satu ledakan di dalam masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya pergi kepada Kementerian yang lain, saya ingin menyambung semula perbincangan saya mengenai dengan FELDA, satu perkara saya tertinggal. Selain daripada FELDA telah membuka rancangan tanah begitu banyak, saya mengesyorkan supaya FELDA membuka rancangan tanah untuk belia dan beliawanis, seperti yang berlaku di Johor satu rancangan yang dinamakan "Rancangan Tanah Temu Jodoh". Kita nampak rancangan itu baik, kita nampak rancangan itu memuaskan. Sepatutnya rancangan yang seperti itu FELDA buat lagi untuk mengelakkan penghijrahan belia-belia terus ke bandar seperti yang telah kita bangkitkan beberapa kali.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya pergi kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kebudayaan, mengikut pendapat saya, saya bukan seorang tokoh budaya, tetapi kita selalu menyebut bahawa kebudayaan nasional berteraskan kepada kebudayaan Melayu.

Pada saya kebudayaan ialah peradaban. Budaya bangsa ialah adab bangsa. Makna adab yang lebih luas bagi orang Melayu ialah kelakuan seseorang. Bangsa yang beradab ialah bangsa yang bertamadun, tidak jahiliah, tidak membuta tuli. Maka jadi bangsa yang beradab atau bangsa yang berkebudayaan ialah bangsa yang tidak jahiliah. Ertinya, bangsa yang cerdik, bangsa yang tidak membuta tuli, bangsa yang tidak beku fikirannya. Dalam bahasa Arab, orang yang membuta tuli—'bahlul'. Jadi adakah kita mahu bangsa kita dikatakan bangsa yang bahlul kerana tidak beradab atau membuta tuli. Jadi kita mahu bangsa kita bangsa yang beradab, iaitu bangsa yang berkeperibadian, bangsa yang berkebudayaan, seperti kata pepatah hukamah: "Al adabu madatul akan wadalil alalmuruah". Adab tanda berakal dan tanda bermaruah. Jadi bangsa yang berakal ialah bangsa yang bermaruah. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita buat untuk meninggikan, menaikkan maruah bangsa kita, kaum yang jahil atau kaum yang tidak beradab satu masa dahulu pernah membunuh anak-anak perempuan. Ini orang yang tidak beradab. Kita tidak mahu jadi bangsa tidak beradab sehingga mengeneipkan nasib anak-anak bangsa kita daripada yang kecil, yang sedang membesar, yang muda belia dan juga yang tua-tua dan dewasa mengembalikan maruah bangsa adalah perjuangan membawa kepada masyarakat yang mempunyai kebudayaan atau peradaban.

Tuan Yang Dipertua, sebab itu di dalam ethika ke pimpinan ciri-ciri membentuk seorang pemimpin ialah pemimpin membentuk masyarakat, bukan masyarakat membentuk pemimpin. Kalau masyarakat yang membentuk pemimpin maka pemimpin akan ikut cakap orang ramai, itu dalam demokrasi berpilihanraya betul tetapi di dalam ethika memimpin, membangun satu

bangsa, pemimpin menjadi pembentuk masyarakat. Jadi yang kita nampak sekarang ini dalam era kepimpinan Dato Seri Dr Mahathir ialah pemimpin yang mahu membentuk masyarakat, bukan pemimpin yang mengikut kata masyarakat atau pemimpin yang dibentuk. Peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah amat besar di dalam membentuk wibawa bangsa kerana dia yang akan membentuk belia, dia yang akan membentuk jenerasi baru, dia yang akan membentuk anak-anak kita untuk menjadi satu bangsa Malaysia yang beradab, satu bangsa Malaysia yang berkebudayaan.

Baru-baru ini saya terbaca satu tulisan seorang penulis yang boleh dikatakan peringkat antarabangsa dari Indonesia, Mochtar Lubis mengatakan di dalam banyak-banyak kebudayaan di Indonesia hari ini Indonesia telah diresapi oleh satu kebudayaan baru iaitu "Pong Li"—rasuah. Ini sedang menjadi kebudayaan kepada rakyat Indonesia kerana ingin mahu cepat senang, ingin mahu mudah dapat wang, ingin segala-galanya boleh diatur asal ada wang. Mochtar Lubis tidak mahu ini maka dia suarakan melalui tulisannya seperti malam tadi di Bangunan Parlimen ini diadakan Anugerah Sastera Negara, Tongkat Waran menyalurkan perasaan hatinya kepada yang tertindas, yang kena zalim, rakyat banyak melalui karya, melalui tulisan, untuk membentuk satu kebudayaan bangsa, untuk membentuk satu kebudayaan nasional melalui tulisan. Maka sekarang ini kita punya satu Kementerian, punya satu Jabatan, punya seorang Menteri yang berwibawa untuk membentuk satu kebudayaan bangsa kita. Jadi kita mengharap supaya di antara kesenian dengan kebudayaan ini dapat dipisahkan.

Beberapa kali soalan mulut saya timbulkan, adakah Kementerian ini mempunyai satu usaha yang positif, yang tegas untuk menonjolkan

kebudayaan bangsa dalam kalangan belia-belia, jadi jawapannya masih samar-samar, jawapan yang diberikan kabur, masyarakat kita masyarakat bebas. Jadi kalau itu maknanya kita biarkan, biarkan, biarkan, biarkan si luncai terjun dengan labu-labunya, yang tidak ada sifat kepimpinan, jadi tauladan apa yang hendak diikuti oleh rakyat, tauladan apa yang hendak dicontohi oleh anak-anak muda dalam zaman kebangkitan dan perlumbaan ini.

Tuan Yang Dipertua, orang tua-tua kita, datuk-nenek kita telah memberikan ciri-ciri peradaban hidup budaya dalam hidup ini banyak. Dengan ungkapan-ungkapan yang indah: untuk mendapatkan sagu pecahkan ruyung, budaya kita mengajar bercermat sebelum habis, beringat sebelum papa; budaya bangsa mengajar hidup sebagai aur dengan tebing, bukan seperti enau dalam belukar; budaya bangsa mengajar jadikan diri sebagai lilin, membakar diri menerangi yang lain; budaya bangsa mengajar ambillah contoh ibu penyu, bertelur seribu tak siapa yang tahu, tidak seperti ibu ayam, bertelur sebiji riuh sekampung; budaya bangsa mengajar supaya jangan seperti anjing dengan kucing; budaya bangsa mengajar supaya kita berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian; budaya bangsa mengajar sekali berdayung, dua tiga pulau dilalui; budaya bangsa mengajar alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan; alang-alang berdakwat biar hitam; budaya bangsa mengajar pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara; budaya bangsa juga mengajar yang pekak penyuluh bedil, yang tepok penghalau ayam, yang buta peniup lesong; budaya bangsa mengajar berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah; bukit sama didaki, lurah sama dituruni; laut sama direnangi.

Ini budaya, budaya mengajar kita jadikan dirimu sebagai satu pohon

rendang yang menaungi pokok yang lain atau dijadikanlah dirimu sebagai satu gugusan dusun-dusun yang mengeluarkan buah yang ranum dan manis atau sekurang-kurangnya jadikanlah dirimu sebagai rumput tepi jalan yang akan menahan gigi jalan, bibir jalan supaya jangan runtuh atau jadikanlah dirimu sekelompok taman bunga menjadi penghias istana nan indah, budaya bangsa mengajar berbudi kepada tanah kerana balasannya sampai ke anak cucu; budaya bangsa mengajar jangan jadi kera sumbang; budaya bangsa mengajar jangan jadi seperti batu di sungai sentiasa bergolek lumut tak lekat; budaya bangsa mengajar jangan jadi dedalu api penghisap darah; jangan jadi batu api membawa fitnah dan berbagai-bagai lagi ungkapan budaya bangsa kita untuk menjadikan rakyatnya, untuk menjadikan anak cucunya, untuk menjadikan warisan yang mewarisi tanahair pesakanya itu sebagai satu bangsa yang kuat berperadaban, berkebudayaan.

Sekarang ini apa yang kita nampak yang ditonjolkan oleh KKBS dan diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan, memang ditonjolkan kesenian tarian dan diakui bahawa anak-anak muda memang tertarik dengan itu. Jadi kita takut, kita khuatir, kalau itulah yang berlaku dan itu yang dinampak dan itu yang diterima oleh angkatan muda maka seni, seni, seni terus seni akan menutupi yang lain yang baik. Seni tari, tarian zapin, mak inang, ronggeng atau renggang, orang boleh sebut ronggeng tetapi daripada mana asal ronggeng dia tidak tahu. Ronggeng apabila Portugis naik ke pantai Melaka disambut oleh orang Melaka dengan berjoget, datang ribut, lampu padam, terus juga berjoget, pasang balik lampu, terang, ini ronggeng namanya, salah kawan, wrong gang, maka sampai hari ini kita gunakan ronggeng atau renggang. Yang sebenarnya itu joget renggang, itu pantang larang di dalam

joget Melayu, kalau kita berjoget tadi sampai bersentuh badan iaitu joget renggang tetapi kerana Portugis ini sudah bawa bahasa orang putih—wrong gang, salah kawan, salah teman. Seni drama, lakun, bangsawan, filem dan artis. Maka saya kena sebut ini. Tidak ada kebudayaan, tidak ada peradaban di dalam kalangan artis-artis kita kerana dia hanya mengutamakan seni, kononnya mendedahkan badan itu seni, itu memalukan emak kita bersopan-santun. Minta izin, Tuan Yang Dipertua, terima kasih dapat kalendar lagi hari ini. Semalam dapat satu, hari ini dapat satu. Tetapi apakah gambar di kalendar ini merupakan peradaban bangsa?

Apakah ini merupakan peradaban bangsa Malaysia sama ada orang Melayukah, Cinakah, Indiakah, Ibankah, Kadazankah, Bisayakah, Murutkah, Orang Aslikah? Bukan ini budaya bangsa Melayu. Ini yang hendak ditunjukkan kepada dunia luar, kami sudah maju, tidak betul. Tidak betul ini. Dalam Dewan ini kita cakap tetapi kalau di luar orang tanya: "Kenapa?" "Ha, itu sahaja perhiasan". Dalam Dewan kita kata ini tidak betul. Taridra, kuda kepang, tarian singa, barongan, menora, makyong, ini seni bukan kebudayaan. Seni suara, seni music, nyanyian, seni bunyi burung terkukur, banyak orang ada, itu seni. Kerana orang yang seni minat kepada seni suara burung, dia faham apa yang burung aterkukur itu bunyi. Seni pertahan diri, silat, pencak, kuntau, te kwan do, walaupun datang daripada negeri lain, itu seni pertahan diri. Seni ukir, seni pertukangan, seni bina, seni had, seni lukis dan sebagainya. Seni tekad-menekad, sulam-menyulam dan sebagainya.

Itu kesenian, jadi kalau maknanya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendak mengutamakan apa yang dikatakan seni tari, seni drama, seni suara, seni pertahan diri tadi, jangan gunakan nama Kementerian

Kebudayaan, gunakan Kementerian Kesenian, Belia. Biar dia terus berseni-seni, lepas itu dia bersunyi-sunyi, tahulah kita, tetapi dendanya belum banyak setinggi-tingginya pun \$150, tangkap khalwat.

Tuan Yang Dipertua, hendak membetulkan kebudayaan bangsa negeri China mengadakan satu revolusi, revolusi kebudayaan. Itu ertinya kebudayaan ini penting kepada penghidupan satu-satu bangsa. Jadi kita kena tentukan ini. Apa yang mendukacitakan kerana kebudayaan tetapi bukan kebudayaan, kerana seni tari, maka dua orang pemimpin pemuda dalam negara kita sudah bertelagah, Ketua Pemuda UMNO, Ketua pemuda MCA, bertelagah fasal tari singa. Ini kerana saya mengatakan mereka ini tidak memahami konsep kebudayaan dengan seni. Apa salahnya tarian singa, tidak salah. Kerana itu seni tari. Apa salahnya kuda kepang, tidak salah, lebih kurang sahaja. Cuma dia menggunakan kepala singa, yang ini menggunakan kepala barongan, sepatutnya tidak payah gaduh.

Jadi, kita suka berpesta-pesta, kerana kesenian tadi maka adalah pesta-pesta; yang menjadi sasaran kaum Melayu, yang mernjadi sasaran orang Melayu apabila ada pesta-pesta ini. Pesta Drama Selangor tidak lama lagi, suratkhbar semalam. Sudah berapa kali pesta drama, ini suratkhbar semalam keluar. Saya cuma baca *Utusan Melayu*, saya tahu *Utusan Melayu* saya potong, inilah. Dalam *Straits Times* tidak ada, dalam *Malay Mail* tidak ada. Fasal ini untuk orang Melayu, Pesta Drama Selangor tidak lama lagi. Kemudian ini melibatkan Jabatan Belia dan Sukan, hendak daftar, hendak rekod, hendak tentukan cara-cara, jadi maknanya sebulan, dua bulan nanti Jabatan-jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah-daerah akan menguruskan pesta drama sahaja. Tengok, berapa banyak mileage habis, berapa banyak

KNP habis kerana ini. Mana yang tidak faham adakan kursus pula dahulu. Kursus drama lagi, buat kursus, kursus lagi, kursus drama.

Suratkhabar hari ini pula, pertama kali pertandingan kompong seluruh Selangor, bulan hadapan. Jadi, macam mana saya hendak kata benda itu betul? Kenapa yang orang Melayu, yang kompong ini pun begitu juga. Borang-borang penyertaan boleh diperolehi dari semua Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan seluruh negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini sekarang-kurangnya hendak diketahui kalau bulan bermakna telah berjalan, bila berita ini keluar, benda ini sudah berjalan baharu pemberita dapat tangkap. Ini sudah dua bulan masalah kompong sahaja. Ya, Karim! Oh, berkompanglah orang Melayu, berdrumlah wahai orang Melayu, bertaridralah wahai orang Melayu. Kalau sekali-sekali macam malam tadi menghormati anugerah sastra negara, itu saya puji, saya sokong cara macam itu memperlihatkan suatu kreatif yang jarang-jarang orang boleh buat.

Tetapi kalau kompong yang memang sudah seluruh negara pelusuk kampung ada, sampai orang yang dia punya gendang bukan kompong pun kita kompongi dia, hendak diadakan pertandingan. Sudah itu kalau kompong pecah besuk, minta peruntukan Wakil Rakyat (*Ketawa*). Ini yang Perdana Menteri sebut di dalam Pre-Council tidak mahu lagi peruntukan Wakil Rakyat \$50,000 ataupun \$100,000 untuk kompong, untuk pinggan mangkok, ini hendak betulkan. Ini kebudayaan yang kita hendak betulkan.

Tuan Yang Dipertua, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi jawapan lain kali. Saya tidak mahu jawapan seperti yang

tadi. Saya hendak tanya lagi takut, nanti dia tidak boleh langsung hendak cakap. Itu saya menjatuhkan maruah orang, itu tidak baik. Saya harap Yang Berhormat Menteri sendiri akan memberi penjelasan, apakah konsep kebudayaan yang sebenar yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan kita sekarang ini? Kerana kita tahu dan kita sokong dia duduk di situ, kerana dia pernah melahirkan sesuatu kepada masyarakat, untuk menonjolkan kepada masyarakat apa yang dia boleh buat, hendak bentuk masyarakat kita ini. Saya tidak mahu orang tuduh cakap tidak serupa bikin, bikin tidak serupa cakap, itu tidak mahu.

Tuan Yang Dipertua, masalah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini saya sentuh lagi mengenai dengan lawatan-lawatan ke luar negeri, rombongan belia-belia kita, kapal Showa Marukah, kapal bercelarukah? Ini rombongan-rombongan yang pergi ke luar negeri ini, saya diberitahu kadang-kadang memalukan maruah Malaysia di lain-lain tempat. Menghabiskan belanja satu, buang masa kedua, dapat malu yang ketiga, hasilnya tidak ada apa-apa. Berhentikan!

Lawatan-lawatan sambil belajar ke luar negeri ini berhentikan. Hantar mereka ini masuk ke kampung-kampung belajar dengan datuk nenek, macam mana hendak tanam durian yang boleh mengeluarkan isi tebal. Ini kebudayaan kita berbudi kepada tanah. Hantar mereka ini melawat kampung-kampung belajar dengan orang tua-tua, macam mana tanam pisang tanduk boleh berbuah sampai 15, 16 biji, macam mana tanam pisang nangka boleh seberat 70, 50 kati setiap tandan. Ini suruh anak-anak kita belajar, ini kebudayaan. Budaya hidup, budaya kaum tani, ini mesti

mereka mengikuti perkembangan negara dari semasa ke semasa dan mereka mengharapkan supaya slogan-slogan besar yang dibuat oleh Pak-pak Menteri pemimpin-pemimpin kita sejak akhir-akhir ini benar-benar dapat dihayati, benar-benar dapat dilaksanakan supaya kita tidak mahu sebarang tuduhan akan timbul semata-mata ini slogan untuk pemanis mulut, untuk menanam tebu di bibir, untuk mengabui mata rakyat dan sebagainya. Kita tidak mahu dengar tuduhan seperti itu timbul, memandangkan selaras dengan kewibawaan pemimpin, pucuk pimpinan kita hari ini yang menerajui negara.

Pada hari ini, walau bagaimanapun, negara kita Malaysia ini masih dan sedang berada di dalam suasana yang gawat mengenai dengan isu pindaan Perlembagaan yang telah kita luluskan di dalam kedua-dua Dewan beberapa masa yang lalu. Kita mengharapkan supaya mereka yang menjadi orang yang melempar batu sembunyi tangan tidak akan meneruskan keadaan ini. Kerana kita dengar dari kalangan orang cerdik pandai sendiri, kita dengar dari kalangan orang-orang yang tahu membaca dan tahu memikir, sepatutnya merenung keadaan ini supaya jangan dijadikan satu isu yang akan menambah burukkan lagi suasana dan keadaan dalam negara kita mengenai dengan isu pindaan Perlembagaan.

Hari ini 100,000 rakyat di Batu Pahat menyambut kedatangan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir, memberikan sokongan penuh kepadanya dan kita yakin bahawa pindaan Perlembagaan ini memang tidak akan menggugat dan tidak akan seperti mana yang dikatakan oleh Dato Seri Dr Mahathir, tidak akan merampas kuasa sesiapa. Semata-mata untuk hendak meletakkan kuasa Parlimen kedaulatan rakyat yang memilih Kerajaan ini di tempatnya yang sebenar. Jadi, kita berharap

supaya perkara ini, kepada mereka yang menanggung di air keruh supaya memberhentikan kegiatannya dan berilah peluang kepada pucuk pimpinan untuk mencari usaha dan ikhtiar menyelesaikan perkara ini dengan sebaik-baiknya seperti menarik rambut di tepung, rambut tidak putus, tepung tidak terbarai.

Tuan Yang Dipertua, saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t. supaya keadaan ini dapat segera selesai dan keadaan akan kembali tenteram. Semoga apabila ketenteraman ini kembali pulih seperti sediakala Belanjawan Tahun 1984 ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Kalau tidak ada keamanan, tidak ada ketenteraman, Belanjawan Tahun 1984 yang diminta Dewan Negara ini meluluskan tidak ada erti. Nanti beku sana, beku sini. Tidak boleh buat sana, tidak boleh buat sini. Tidak lulus, sana, tidak lulus sini. Rakyat yang akan menerima kesan akibatnya. Jadi, kita berharap supaya kembali tenteram seperti sediakala mengikut lunas-lunas cara kita memerintah negara dan Belanjawan 1984 ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan rakyat akan menerima sekali pun di setengah-setengah tempat, setengah-setengah bahagian Kementerian peruntukan yang tidak seperti masa mewah yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menyokong Rang Belanjawan ini dengan rasa penuh hati dan mohon supaya Belanjawan ini dilaksanakan oleh pihak jentera pelaksanaan dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan kesejahteraan negara dan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Tunggu sekejap. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya baru sampai daripada Batu Pahat. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

sudah habis. Sekarang ucapan Ahli Dewan Negara kita, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom yang memakan masa tiga hari, apabila saya sampai di sini, baru tamat ucapannya. Ini satu rekod juga kepada Dewan Negara. Saya ucapkan berbanyak terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Alexander Y. L. Lee.

4.25 ptg.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 1984, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu."

Tuan Yang Dipertua, rakan-rakan saya adalah berucap dengan panjang lebar dan banyak perkara-perkara yang diucap dan berharap saya boleh dapat beberapa perkara-perkara yang belum diucap oleh rakan-rakan saya. Saya juga telah mendengar dengan minatnya ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Rang Undang-undang tersebut ke Dewan ini dan saya juga telah membaca ucapan beliau serta Laporan Ekonomi 1983/84 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21hb Oktober. Kita semua sememangnya, sangat gembira untuk mengetahui bahawa ekonomi Malaysia sedang pulih dan hasil-hasil tahun 1983 akan lebih baik dari tahun 1982. Dan dalam tahun ini tambahan perdagangan kita dijangka akan lebih tinggi dari tambahan yang dianggarkan dalam Belanjawan 1983.

Kita juga gembira untuk mengetahui bahawa tahun 1984 akan lebih baik dari tahun 1983. Kita sesungguhnya di Malaysia bernasib baik kerana kita

telah melalui masa kemelesetan ini dengan agak baik dan tanpa mengalami kesusahan yang terlalu di dalam ekonomi kita walaupun ada sektor-sektor tertentu telah melalui masa yang susah. Saya berharap dengan keadaan yang bertambah baik yang dijangkakan dalam tahun 1984, sektor-sektor ini juga akan mendapat kesenangan tahun hadapan. Bagaimanapun terdapat berbagai aspek ekonomi kita yang ingin saya sebut hari ini dan mungkin semasa jawapan balik, Menteri-menteri yang berkenaan boleh memberikan saya sedikit keterangan.

Tuan Yang Dipertua, pertama sekali, saya ingin mengambil berat seperti Yang Berhormat Mulia Menteri tentang hutang-hutang negara. Saya sukacita mendengar tentang jaminan beliau bahawa pihak Kerajaan akan lebih berhati-hati apabila membuat pinjaman untuk melindungi nama baik negara di pasaran kewangan antarabangsa. Jumlah yang dipinjam oleh negara telah bertambah dengan banyaknya dari \$23 ribu juta dalam tahun 1980 kepada \$30 ribu juta dalam tahun 1981, \$40 ribu juta dalam tahun 1982 dan \$50 ribu juta dalam tahun 1983. Dalam masa 4 tahun jumlah hutang ini telah berlipat ganda dan walaupun kadar faedah telah turun dari pertambahan 35 peratus dalam tahun 1982 ke 22% dalam tahun 1983, saya berharap supaya dalam tahun 1984 jumlah pinjaman akan turun lagi. Kelihatan bahawa akan terdapat kekurangan kira-kira \$8 ribu juta antara hasil negara dan perbelanjaan negara yang bermakna bahawa hutang negara mungkin meningkat sebanyak \$8 ribu juta. Pada tahun 1983, hutang negara yang belum dijelaskan merupakan 79% dari Keluaran Kasar Negara (GNP). Dan saya jangkakan di akhir tahun 1984, angka ini akan meningkat melebihi 80% sedangkan Keluaran Kasar Negara dijangka bertambah pada kadar 8% dan hutang negara dijangka bertambah kira-kira 16%.

Tuan Yang Dipertua, suatu lagi aspek yang patut diambil berat ialah jumlah bayaran khidmat hutang atau debt service yang harus dibebani. Jumlah bayaran khidmat hutang ini telah meningkat dari \$2,700 juta dalam tahun 1982 ke \$3,900 juta dalam tahun 1983 dan dijangka akan meningkat ke \$4,800 juta dalam tahun 1984. Lebih kurang separuh dari jumlah ini digunakan untuk bayaran faedah bagi pinjaman-pinjaman luar. Bayaran khidmat hutang bagi pinjaman-pinjaman luar telah meningkat dengan kadar yang membimbangkan dari kira-kira \$900 juta ke dalam tahun 1982 ke \$1,700 juta dalam tahun 1983 dan \$2,200 juta dalam tahun 1984.

Walaupun perimbangan bayaran khidmat hutang ini dijangka pada 6% bagi tahun 1983, saya pasti angka ini akan meningkat ke 8% atau 9% di akhir tahun 1984. Beberapa ahli ekonomi antarabangsa telah juga meramalkan bahawa perimbangan bayaran khidmat hutang bagi awam Malaysia akan meningkat ke 15.8% pada tahun 1986 dan 22.6% pada tahun 1990. Angka-angka ini sungguh membimbangkan dan saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengurangkannya.

Aspek yang lain ialah bahawa perbelanjaan perjalanan Kerajaan seolah-olah meningkat sedangkan perbelanjaan pembangunan menurun. Dalam tahun 1984, perbelanjaan perjalanan dijangka meningkat 11.3% dari 17,000 juta ke \$19,000 juta sedangkan perbelanjaan pembangunan akan turun dari peruntukan mula \$11,600 juta ke \$8,600 juta, penurunan sebanyak 26% dalam tahun 1983. Tentang perbelanjaan perjalanan faktor yang membimbangkan ialah jumlah gaji dan jumlah seksyen bayaran khidmat hutang.

Dalam tahun 1983 peruntukan bagi gaji ialah \$6,500 juta atau 37% dari jumlah perbelanjaan perjalanan dan

bayaran-bayaran khidmat hutang ialah \$3,900 juta, kira-kira 22% dari perbelanjaan perjalanan. Kedua-dua ini adalah lebih dari 50% dari jumlah perbelanjaan. Angka-angka ini dijangka meningkat sebanyak 7.6% dan 22% bagi tahun 1984. Dengan lain perkataan, bayaran gaji akan bertambah kira-kira \$500 juta dan bayaran khidmat hutang akan bertambah kira-kira \$900 juta. Berdasarkan ini, hasil negara dijangka bertambah dengan 5.6% atau kira-kira \$1,000 juta dari \$18,100 juta ke \$19,100 juta. Pertambahan dalam hasil negara ini hanya mencukupi untuk membayar pertambahan dalam bayaran faedah tetapi sudah tentu tidak mencukupi untuk membayar pertambahan dalam bayaran faedah dan pertambahan dalam bayaran gaji. Dengan terusnya tambahan dalam pinjaman disebabkan Belanjawan yang kekurangan dan pertambahan yang terus di dalam gaji-gaji Kerajaan dan kakitangan-kakitangan Kerajaan seolah-olah faktor-faktor yang kedua ini akan terus mengambil sebahagian besar dari perbelanjaan perjalanan Kerajaan.

Saya rasa pihak Kerajaan harus mengkaji cara-cara bagaimana perbelanjaan-perbelanjaan ini dapat dibendung. Jika tidak, sebarang pertambahan dalam hasil negara akan terus ditelan oleh kedua-dua perkara ini dan apa-apa hasil baru yang diusahakan oleh Kerajaan tidak akan menguntungkan orang ramai. Saya berharap pihak Kerajaan dapat menahan penurunan dalam perbelanjaan pembangunan kerana nampaknya ini yang lebih menguntungkan orang ramai. Tidak lama dahulu perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan pembangunan lebih kurang sama tetapi bagi tahun 1984 perbelanjaan pembangunan hanyalah satu pertiga dari jumlah perbelanjaan dan terus menurun.

Tuan Yang Dipertua, kita sungguh bernasib baik kerana mempunyai pengurus-pengurus yang berhati-hati



bagi ekonomi kita dan adalah satu petanda baik bahawa pihak Kerajaan meneruskan polisi mengurangkan perbelanjaan tetapi saya harap dalam masa akan datang jika Kerajaan memotong perbelanjaan, adalah dari belanjawan perjalanan dan bukan dari belanjawan pembangunan.

Yang Berhormat Mulia Menteri juga berkata kita tidak harus terlalu bergantung kepada ekonomi dunia dan beliau ramalkan kebanyakan dari negara-negara yang telah maju akan terus mengalami kesusahan ekonomi dan ini akan memberi kesan kepada kita kerana kita mempunyai ekonomi yang terbuka. Kita sambut kenyataan beliau ini bahawa negara kita harus membuat perubahan-perubahan struktur supaya kita tidak lagi terperangkap dalam kemelesetan dunia yang lain. Kita tidak harus membiarkan penyalahan pengurusan oleh ahli-ahli ekonomi Barat mempengaruhi kita. Kita harus memikirkan semula tentang beberapa polisi kita. Sebagai permulaan, saya menyambut polisi Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran di antara rakyat kita.

Di dalam perkara ini berbagai faktor-faktor harus dikira.

Pertama sekali kita harus memperbaiki pengeluaran sektor pertanian.

Saya terbaca dalam suratkhbar baru-baru ini bahawa Bank Dunia telah melaporkan bahawa pertumbuhan dalam sektor pertanian telah turun dari 6% ke 3%. Pertanian telah menjadi tulang belakang ekonomi kita lebih dari 10 tahun dan kita tidak harus meninggalkan tumpuan ke atas sektor ini. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk meningkatkan kadar pertumbuhan sektor ini.

Kita juga harus perhatikan struktur pekerjaan negara. Saya diberitahu dari 1976 ke 1980, 70% dari tenaga baru yang dimasuki pasaran pekerjaan ialah ke sektor pertanian dan binaan dan hanya 30% ke sektor-sektor pertanian dan pembuatan. Faktor ini membimbangkan kerana sektor-sektor pertanian dan pembuatan adalah produktif dan ini menerangkan kenapa terdapat kekurangan pekerja dalam sektor pertanian. Kerajaan harus merancang dengan lebih baik untuk menggalakkan lebih ramai pemudapemuda kita ke kawasan-kawasan ekonomi kita yang produktif dan jangan tumpu ke bandar-bandar di mana struktur pekerjaan adalah khususnya dalam sektor perkhidmatan. Ini melibatkan polisi-polisi yang harus cuba mengubah aliran pemindahan ke bandar di kalangan rakyat kita dan mewujudkan lebih peluang-peluang pekerjaan di kawasan-kawasan luar bandar dan mempercepatkan polisi perusahaan.

Tuan Yang Dipertua, dari Laporan Ekonomi, adalah dilaporkan bahawa pihak Kerajaan telah membelanjakan \$563 juta ke atas biasiswa sahaja dalam 1983. Mungkin kita harus mengkaji jenis-jenis kursus yang diambil oleh pelajar-pelajar biasiswa ini supaya dapat membimbing lebih ramai pelajar-pelajar untuk memasuki kawasan-kawasan ekonomi yang lebih produktif.

Mengenai cadangan-cadangan hasil cukai yang tertentu, saya sungguh ingin mengetahui rasional di belakang keputusan Yang Berhormat Mulia Menteri dalam mengenakan cukai-cukai masuk ke atas barang-barang makanan seperti sisip ikan yu (sharksfin), telur masin dan sebagainya. Sebahagian dari bahan-bahan ini mungkin jenis makanan mewah tetapi sirip ikan yu misalnya dianggap oleh kaum Cina sebagai satu keperluan apabila mengadakan majlis makan malam. Perkara ini menyeluruh

di kalangan kaum China dan adalah sungguh kesal kiranya mereka yang miskin tidak dapat menikmatinya. Begitu juga dengan telur masin. Malah ia adalah makanan utama di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Hasil dari bahan-bahan ini kelihatan agak tidak ketara dan Yang Berhormat Mulia Menteri mungkin boleh menimbang kembali cukai yang dikenakan ini.

Cukai keluar sebanyak \$100 yang dikenakan ke atas kenderaan motor dan lori juga menyukarkan orang-orang yang tertentu. Cukai ini saya difahamkan dikenakan untuk menggalakkan pengeksport-pengeksport kita menggunakan Palabuhan Kelang dan tidak melalui negara ke tiga iaitu Singapura. Sebabnya menasabah tetapi kita harus kaji dahulu sama ada pelabuhan yang wujud kini boleh menampung pertambahan tanpa menyebabkan kesesakan dan ke duanya sama ada kita bersikap adil terhadap pengeksport-pengeksport yang mengeksport terus ke Singapura.

Contohnya, ada yang mengeksport sayur-sayuran dan ternakan ayam ke Singapura dan sebuah lori bermuatan sayur-sayuran mungkin tidak bernilai \$100 tetapi yang menghantarkan muatan lori itu mesti membayar \$100 sebagai cukai keluar. Saya mengaku saya tidak tahu bagaimana cukai ini boleh dikawal supaya ia boleh berjalan dengan saksama tetapi saya fikir terdapat kes bagi mereka yang mengalami kesusahan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya tahu pihak Kerajaan amat bimbang tentang kekurangan dalam akaun perkhidmatan tetapi nampaknya kita tidak mengambil langkah-langkah untuk memperbaikinya. Dalam tahun 1982 kekurangan akaun perkhidmatan adalah \$5,500 juta atau 9.5% keluaran kasar negara sedangkan dalam 1983 ini meningkat ke \$6,700 juta atau 10.6% dari keluaran kasar negara.

Dijangkakan ini akan meningkat lagi ke \$7,300 juta dalam 1984. Walaupun pertumbuhan dalam sais kekurangan ini dijangka lebih kurang dalam 1984 dari 1983, jumlahnya masih membimbangkan. Saya difahamkan pihak Kerajaan mempunyai satu tenaga kerja untuk mengkaji cara-cara membaiki kekurangan perkhidmatan ini dan agaknya bilakah laporan ini akan dikeluarkan.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi kawasan yang harus dikaji semula ialah pilisi di atas eksport timah. Industri perlombongan timah mengalami pengunduran yang serius dengan potongan lebih kurang 40% dalam pengeluaran. Ini telah mengakibatkan beratus-ratus lombong Cina ditutup dan beratus-ratus pekerja dalam syarikat-syarikat pengorek (dredging companies) diberhentikan kerja. Mungkin kita harus mengkaji semula sama ada kita patut mengambil bahagian di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa (International Tin Agreement) kerana kita merupakan negara yang paling teruk akibat dari perjanjian ini. Pengguna timah dunia yang terbesar, iaitu Amerika Syarikat, bukan seorang ahli dan begitu juga dengan pengeluar-pengeluar utama yang lain.

Dalam mengekalkan harga rendah, kita terpaksa membuat pengurangan yang serius tetapi banyak negara lain yang tidak menikmati pengeluaran separuhnya tetapi membuka lombong-lombong baru yang tidak mengadakan pengeluaran untuk bertahun-tahun seperti di negara Britain. Oleh kerana kita adalah pengeluar timah yang paling murah, mungkin kita harus membiarkan harga terendah ini ditentukan melalui kuasa-kuasa pasaran bebas (free market forces) di mana kebanyakan dari lombong-lombong yang tidak ekonomik di negara-negara lain akan tutup, dan dengan ini membawa pengeluaran kepada tahap yang lebih menasabah dan lebih seimbang dengan

penggunaan. Oleh kerana kita boleh mengadakan pengeluaran dengan lebih murah dari negara-negara lain ini bererti pelombong-pelombong kita harus mengetatkan talipinggang mereka untuk seketika apabila harga-harga di tahap paling rendah tetapi ini tidak berbeza dengan mengurangkan pengeluaran seperti yang mereka lakukan sekarang. Di sebaliknya ini bererti bahawa pengeluaran akan jatuh dengan sendirinya dan akan meningkat kembali apabila simpanan-simpanan yang ada kini telah digunakan dan pelombong-pelombong kita akan dapat menikmati kenaikan dalam harga.

Tuan Yang Dipertua, saya telah menimbulkan beberapa perkara di dalam ucapan saya hari ini bukan kerana saya ingin mengkritik pihak Kerajaan tetapi kerana saya rasa adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai seorang Ahli Dewan ini untuk menimbulkan faktor-faktor yang penting kepada kita semua. Sebaliknya saya harus mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telah mengurus ekonomi kita dengan baik kerana nampaknya ekonomi kita akan bertambah baik dalam 1984. Perimbangan perdagangan (trade balance) kita menunjukkan kekurangan sebanyak \$859 juta dalam 1982 dan dijangka akan menunjukkan lebihan yang positif kira-kira \$1,100 juta dalam 1983 dan \$3,900 juta dalam 1984. Akibatnya, kekurangan akaun semasa (current account) yang sungguh membimbangkan yang berjumlah \$7,700 juta dalam 1982 akan turun ke \$6,500 juta dalam 1983 dan dijangka bertambah baik ke \$4,500 juta dalam tahun 1984. Dengan keadaan yang terus bertambah baik di dalam ekonomi dunia, adalah dijangka akaun semasa kita akan seimbang dalam 1988. Ini dapat dilakukan hanya dengan pengurusan baik polisi-polisi kewangan dan ekonomi kita dengan membawa masuk pelabur-pelabur luar dan dalam negeri dengan mewujudkan

lebih pengeluaran dan dengan mewujudkan suasana politik yang kukuh. Dalam hal ini saya bersetuju dengan sepenuhnya dengan apa yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan saya bahawa kami mengambil berat tentang isu Perlembagaan kini yang sedang dialami oleh negara. Kami menyokong sepenuhnya apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan di dalam menyelesaikan perkara ini. Saya rasa isu ini tidak boleh ditangguhkan terlalu lama kerana ia akan memberi kesan kepada kestabilan politik yang sebaliknya akan memberi kesan kepada keyakinan sektor perniagaan dan dengan ini akan memadamkan segala kebaikan yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan di dalam usaha mereka mengeluarkan kita dari kemelesetan.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya sekali lagi saya menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan dengan demikian saya berharap kita akan menikmati tahun 1984 dengan lebih baik dari apa yang beliau telah peruntukkan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun.

4.48 ptg.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang yang disatukan untuk perkhidmatan 1984 yang mana Akta ini dinamakan Akta Perbekalan 1984.

Pada tahun 1984 ini Kerajaan kita akan membelanjakan wang sejumlah \$12,364,380,820 lebih kurang \$13,000 juta. Pada tahun 1982, Kerajaan kita telah membelanjakan lebih daripada itu dan pada tahun 1983 perbelanjaan Kerajaan kita telah mengurangkan dan pada tahun 1984 ini perbelanjaan Kerajaan kita telah berkurangan juga.

Dalam masa tiga tahun kebelakangan ini nampaknya Kerajaan kita telah mengurangi lagi perbelanjaan kerana akibat kemelesetan ekonomi dunia. Jadi, terpaksa Kerajaan kita membelanjakan dengan berjimat cermat.

Dengan langkah yang dijalankan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan ini, adalah satu langkah yang baik bagi memperseimbangkan pendapatan negara dengan perbelanjaan negara. Walaupun demikian saya berharap dalam Kerajaan melaksanakan perbelanjaan negara ini, yang penting diutamakan sekali ialah kemudahan asas di luar bandar seperti api dan air.

Dalam menggunakan perbelanjaan ini janganlah banyak sangat dipotong kerana rakyat-rakyat di luar bandar masih kedapatan lagi dan masih ramai lagi di kawasan-kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan api dan air.

Sebagai contoh misalnya tentang bekalan air, di antara bekalan api dan air ini kalau hendak dikira sama pentingnya tetapi daripada bekalan api, bekalan air lah yang lebih penting kerana di sesuatu tempat di luar bandar, contohnya di satu tempat di Mukim Ulu Jempol daerah Kuala Pilah, bekalan air di tempat itu telah dimasukkan ke kawasan-kawasan itu lebih kurang 15 batu daripada pekan yang kecil di satu tempat. Walaupun penduduk-penduduk di sana ada mendapat bekalan air tetapi tidaklah menyeluruh. Kira-kira 40% daripadanya tidak mendapat air. Mereka tidak sukar mendapat air. Ini perlu Kerajaan Pusat menolong Kerajaan Negeri bagi mengatasi perkara ini.

Saya difahamkan bahawa sebuah tangki air yang besar di atas sebuah bukit perlu diadakan. Ini memakan belanja lebih kurang \$600,000. Jadi jika Kerajaan Negeri kekurangan wang, maka Kerajaan Pusat hendaklah

membantu Kerajaan Negeri supaya penduduk-penduduk di sana dapat menerima sepenuhnya bekalan air seperti di kawasan-kawasan bandar. Jadi saya berharap benar, Tuan Yang Dipertua, dengan melalui Dewan yang tinggi ini akan dapat dilaksanakan pada tahun 1984 nanti.

Menyentuh Kepala B. 8 Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$626 juta.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan kita sekarang telah ada mendapat dan diberi kursus-kursus sama ada kursus perjawatan ataupun kursus-kursus yang lain. Ini dilakukan dengan tujuan menambahkan lagi pelajaran dan pengalaman mereka dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Tuan Yang Dipertua, saya telah menghadiri satu kursus dalam tiga empat bulan yang lepas selama 5 hari di Kluang anjuran Kerajaan Negeri dengan INTAN iaitu kursus di antara Wakil-wakil Rakyat dengan pegawai Kerajaan dalam satu daerah bagi menggembelingkan satu tenaga untuk melaksanakan pembangunan di daerah itu. Saya rasa kursus ini sangat baik, kerana Wakil-wakil Rakyat kita sama ada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dapat bersama-sama menggembelingkan tenaga bagi pelaksanaan pembangunan daerah, kerana adanya persefahaman dan kemesraan di antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan Wakil Rakyat, maka pembangunan di sesuatu daerah atau perlaksanaannya adalah sangat baik. Ini bukanlah bermakna sekarang ini Wakil Rakyat tidak bekerjasama dengan pegawai Kerajaan. Kerjasama Wakil-wakil Rakyat dan pegawai Kerajaan telah sedia terjalin. Jadi saya harap kursus yang saya maksudkan yang seumpama itu dapat diteruskan oleh Kerajaan kita pada masa-masa yang akan datang.

Berhubung dengan nama kursus barangkali bolehlah difikirkan kemudian ataupun misalnya dinamakan sebagai kursus penggembelangan tenaga bagi pelaksanaan pembangunan sesuatu daerah.

Kepala B. 28 Kementerian Pelajaran iaitu anggaran perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$4,000 juta lebih.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana satu dasar yang baru telah dijalankan pada tahun ini iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) iaitu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira). Nampaknya pada masa sekarang ini kebolehan anak-anak kita membaca di peringkat rendah sangatlah membanggakan. Kejayaan dasar KBSR ini, saya kira lebih daripada 90% berjayanya, syabas saya ucapkan. Tetapi, saya berasa musykil pelajaran Agama tidak dimulakan dengan tulisan Jawi di peringkat KBSR Darjah 1, kerana tahun satu dan tahun dua diajar dengan tulisan Rumi, tahun tiga barulah ditukarkan ke tulisan Jawi. Ini tentulah menjadikan kesulitan kepada murid-murid. Jadi saya berharap bagi pelajaran agama KBSR Darjah 1 ini hendaklah kita mulakan daripada rendah lagi iaitu daripada Darjah 1. Segala bentuk peperiksaan dalam tulisan Jawi hendaklah diadakan supaya dapat memahirkan lagi tulisan Jawi daripada Darjah 1 dan dengan ini juga kita boleh menolong memahirkan lagi anak-anak kita dalam pembacaan Al-Quran.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga menyentuh tentang soalan peperiksaan yang bocor pada tahun ini. Perkara ini telah galak disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lalu. Saya menyentuh lagi iaitu perkara soalan peperiksaan yang bocor ini janganlah kita mengambil ringan, kerana boleh menjatuhkan imej bukan sahaja Majlis Peperiksaan tetapi juga Kerajaan kita

Malaysia ini. Oleh itu saya berharap supaya Kerajaan amenyiasat dengan teliti dan diambil tindakan bagi mengatasinya supaya kertas soalan peperiksaan ini jangan bocor lagi, jangan berulang lagi pada masa yang akan datang.

Menyentuh tentang Kepala B. 53 Kementerian Pengangkutan. Apa yang saya maksudkan di sini ialah berhubung dengan tempat-tempat perhentian keretapi ataupun stesen keretapi. Bangunan-bangunan yang lama iaitu yang telah didirikan sejak zaman penjajah lagi hinggalah sekarang ini masih ada dan tidak bertukar wajah. Kita telah merdeka lebih kurang sudah 26 tahun tetapi bangunan itu masih bangunan lama juga sedangkan bangunan Kerajaan yang lain telah banyak kita tukar ganti. Oleh itu saya berharap supaya bangunan-bangunan yang lama itu atau bangunan stesen keretapi yang lama itu terutama sekali di ibu negeri misalnya seperti di Seremban patutlah kita segerakan, kita tukar gantikan dengan wajah yang baru ataupun diganti baru seboleh-bolehnya pada tahun akan datang ini.

Kepala B. 62 Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Pada masa sekarang Kementerian ini memberikan bantuan sama ada berupa bantuan bulanan dan di samping itu diberikan bantuan mengejut apakala terjadi sesuatu kemalangan ataupun sebagainya.

Di sini saya mengesyorkan kepada Kerajaan khususnya Kementerian ini apa salahnya kalau Kementerian Kebajikan Masyarakat ini dapat pula memberi bantuan kewangan kepada badan-badan yang berupa sukarela yang memberikan perkhidmatan ataupun bantuan kepada orang ramai, sebagai badan yang berdaftar dengan Kerajaan. Jika ini dapat dilakukan, saya fikir Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menampakkan satu

kegiatan yang baru, kegiatan yang baik untuk meluaskan perkhidmatan kepada rakyat iaitu masyarakat di luar bandar kerana pada masa sekarang kegiatan kebajikan Masyarakat ini adalah tidak berubah sebagai kerja harian sahaja. Jadi tidak menampakkan pembaharuan. perkara ini telah pun juga saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa lama dahulu tetapi tidak mendapat jawapan. Oleh itu, sekali lagi saya mengulangi perkara ini supaya Kementerian berkenaan dapat mengambil perhatian dan pertimbangan.

Kepala B. 63 Kementerian Kerjaraya.

Saya menyentuh Kepala ini yang akan menelan belanja beribu-ribu ringgit. Saya menyentuh berhubung dengan Jalan-jalan raya Persekutuan. Sekarang ini jalan raya yang menghubungkan dari pekan yang menjadi ibu daerah kepada pekan yang jadi ibu negeri adalah dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Kebanyakan jalan-jalan raya ini yang menghubungkan dari pekan yang jadi ibu daerah ke pekan ibu negeri, jalannya tidak luas iaitu sempit, seumpama jalan raya daripada Seremban ke Jelevu yang melalui pantai, saya nampak adalah sempit. Oleh itu, diharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil kira bagi membesarkan jalan-jalan itu untuk keselamatan kepada penduduk-penduduk dan lalu-lintas.

Menyentuh Kepala B. 37 Kementerian Dalam Negeri.

Saya nampak di kawasan Bangunan Parlimen ini ada Balai Polis Bergerak bagi megawal keselamatan Parlimen kita. Walaupun Kerajaan kita telah membina pondok-pondok polis dan balai-balai polis tetapi kejadian-kejadian yang tidak diingini ada juga berlaku seperti di lorong-lorong, di jalan-jalan ataupun di pekan-pekan yang besar.

Oleh itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Balai-balai Polis Bergerak ini kita perbanyakkan, kita perluaskan dan kita hantar bertugas ke pekan-pekan yang besar ataupun di jalan-jalan yang sibuk ataupun di mana-mana yang patut bagi mencegah kejadian jenayah ataupun perkara yang tidak diingini jangan berlaku. Langkah ini adalah satu cara yang baik bagi meningkatkan perkhidmatan Pasukan Polis kita.

Kepala B. 29 Kementerian Luar Negeri. Dalam Kepala ini Kerajaan kita telah juga memperuntukkan perbelanjaan. Tuan Yang Dipertua, saya dapati dalam Kementerian ini selalu kita mendapati orang-orang di mana-mana di luar negeri selalu memperkecilkan kita di Malaysia ini. Kerana pernah pada suatu ketika dahulu ada menyatakan penduduk-penduduk kita di Malaysia ini makan ular dan sebagainya. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian Luar Negeri supaya memainkan peranan penting iaitu dengan memberikan penerangan-penerangan kepada mereka di luar negeri akan kedudukan Malaysia ini yang sebenarnya.

Kepala B. 59, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kerana telah dapat membina bangunan Ibu Pejabat Pos yang baru yang saya fahamkan yang menelan belanja lebih kurang setengah ratus juta ringgit. Adalah difahamkan bangunan Pejabat Pos yang baru itu adalah bangunan Pejabat Pos yang termoden di sebelah sini. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, apalah halnya bangunan-bangunan Pejabat Pos yang lama yang telah didirikan sejak zaman penjajah dahulu didapati masih banyak lagi yang belum dapat diganti dan diubahsuai kepada bangunan yang baru.

Saya membangkit perkara ini tentang sebuah Pejabat Pos di Kuala Kelawang, Jelevu, Negeri Sembilan.

Bangunan Pejabat Pos di Kuala Kelawang itu telah dibangunkan pada tahun 1924 dan keadaannya sekarang adalah menyedihkan. Jadi oleh itu saya berharap melalui Dewan yang tertinggi ini supaya bangunan Pejabat Pos Kuala Kelawang itu akan dapat diganti dengan bangunan yang baru secepat mungkin pada tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya berhubung dengan pindaan Perlembagaan, saya menyokong penuh atas pucuk pimpinan pemimpin kita yang dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan 1984 ini diluluskan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

5.03 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun seperti rakan-rakan yang lain menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah baru-baru ini. Peruntukan yang diperuntukkan ialah sebanyak lebih kurang \$27,000 juta. Bagi saya Belanjawan Negara bagi tahun 1984 ini adalah sebagai berpatutan dan adil.

Belanjawan 1984 ini menunjukkan Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap golongan berpendapatan rendah di samping menggalakkan hasil pengeluaran dalam negara yang akan dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat. Bagaimanapun golongan yang suka tukar menukar kereta berasa agak berat berikutan dengan kenaikan duti import kereta penumpang tetapi Kerajaan dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit dalam keadaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua, dengan pengecualian cukai dari perusahaan perkapalan yang berdaftar di negara

kita ini dan pengecualian cukai pendapatan kepada pelaut-pelaut yang berkhidmat di kapal-kapal kita akan merencanakan lagi perusahaan perkapalan di negara kita ini. Adalah mustahil bagi kita untuk menyaingi pelabuhan Singapura kerana di Malaysia kita adalah sebagai pengeluar utama bagi bahan-bahan seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan petroleum.

Tuan Yang Dipertua, Belanjawan yang dibentang oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan juga jelas melihatkan keazaman Kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah seperti petani dan juga nelayan. Langkah Kerajaan menghapus cukai eksport ke atas buah-buahan tempatan akan memberi peluang pemasaran yang luas kepada para penanam-penanam buah-buahan. Pada masa ini buah-buahan tempatan kita hanya dipasarkan di dalam negeri kecuali durian dan duku sahaja yang dapat dipasarkan ke Singapura. Dengan menghapuskan cukai ini buah-buahan tempatan akan mempunyai peluang untuk dipasarkan di luar negeri.

Untuk mencapai matlamat Belanjawan 1984 ini, saya berharap agar Kementerian Pertanian akan mendapat peruntukan sebanyak \$1,325 juta akan menggiatkan lagi perusahaan pertanian bagi menggalakkan petani-petani menanam pokok-pokok yang menghasilkan buah-buahan tempatan.

Kepada MARA yang mendapat peruntukan sebanyak \$200 juta, saya berharap pihak MARA akan menggunakan peruntukan ini dengan baik agar dapat mengeluarkan usahawan-usahawan muda di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh Kementerian di dalam perbincangan saya di atas Belanjawan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pertanian iaitu Maksud B. 21 yang mana Kementerian ini mendapat peruntukan sebanyak \$342 juta dan oleh kerana pertanian ini adalah satu usaha yang dilakukan oleh rakyat di utara negara kita ini iaitu Kedah, Perlis dan juga Perak dan sedikit sebanyak di negeri Selangor dan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang disebutkan oleh sahabat saya pada hari semalam mengenai dengan subsidi, jadi saya bagi pihak petani-petani mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana meneruskan subsidi kepada petani-petani. Tetapi saya rasa dukacita sedikit ada di kalangan pemimpin-pemimpin kita sepertimana yang disebutkan oleh sahabat saya pada hari semalam ada yang menyatakan masyarakat petani ini ialah satu masyarakat subsidi. Tetapi saya rasa, Tuan Yang Dipertua, subsidi yang diberikan kepada petani-petani itu tidaklah begitu banyak sangat kalau kita bandingkan kepada subsidi oleh Kerajaan kepada pengusaha-pengusaha yang datang menanam modal di negara kita ini iaitu dengan memberi taraf perintis kepada pengusaha-pengusaha ini sampai beribu-ribu juta ringgit. Di antaranya sampai sehingga 3 tahun, sampai 5 tahun diberi subsidi atau diberi taraf perintis.

Jadi mengapakah sangat disebut-sebut kepada kaum petani menyatakan masyarakat subsidi dan sebagainya. Saya rasa patutlah perkara ini tidaklah payah kita ulang lagi menyebutkan masyarakat subsidi dan sebagainya. Cuma kita bagi pendapat saya usaha Kerajaan supaya subsidi yang diberi kepada petani-petani itu diberi penerangan supaya subsidi-subsidi yang mereka perolehi itu dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Inilah penerangan-penerangan dan orang kata "follow-up" patut diadakan

supaya pemberian subsidi yang diberi oleh Kerajaan itu dapat digunakan oleh petani-petani itu dengan sebaik-baiknya inilah saya rasa tugas yang sebaik-baiknya oleh pihak-pihak tertentu supaya dapat dipergunakan oleh petani itu dengan sebaiknya.

Tuan Yang Dipertua, apabila penanam-penanam padi ini mendapat hasil maka hasil itu pula akan dilaksanakan oleh satu Kementerian yang lain pula iaitu Kementerian Perusahaan Awam. Jadi sebab itulah saya kata, saya biasa ucapkan dalam Dewan ini supaya perusahaan awam ini disatukan dengan pertanian, agar tidak ada percanggahan di antara satu dengan lain. Apabila padi ini dipasar, dijual oleh petani-petani, kita ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan kerana mengadakan LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) serta Kompleks Membeli Padi dan sebagainya. Kalau tidak ada LPN atau Kompleks itu saya tidak tahu bagaimana akan jadi kepada hasil petani-petani itu, mungkin dalam satu guni pihak-pihak swasta akan membeli dengan harga \$5 sahaja. Jadi kita bersyukur kerana Kerajaan telah mengadakan LPN ataupun Kompleks Membeli Padi yang membeli padi daripada petani-petani.

Dalam masalah penjualan padi ini sungutan daripada petani-petani ada beberapa perkara, mungkin perkara-perkara ini tidaklah begitu besar, tetapi mungkin membeban atau merugikan petani sedikit-sebanyak.

Satunya berkenaan dengan pengangkutan. Saya biasa menyebut dalam Dewan ini pada masa-masa yang lepas berkenaan dengan pengangkutan. Apabila lori mengangkut padi ini pergi ke Kompleks LPN dalam masa satu hari, LPN tidak boleh hendak menimbang padi itu sebab sistem dan cara bekerja di LPN itu sendiri tidak begitu memuaskan. Bagi pihak LPN tidak mendatangkan kerugian apa-apa, yang



akan mendatangkan kerugian ialah kepada petani-petani itu sendiri sebab apabila lori itu dapat mengangkut padi hanya satu lori pada satu hari, kerana mereka ini tidak dapat menimbang padi di Kompleks LPN itu maka harga timbang padi itu dinaikkan kepada petani-petani. Yang membebankan bukan kepada sesiapa, tetapi ialah petani. Saya rasa untuk mengelakkan perkara ini, patut pihak LPN ini mengadakan satu sistem yang boleh mencepatkan penimbangan padi itu supaya tidak membebankan petani-petani. Satunya mungkin kita boleh buat, LPN boleh buat iaitu dengan mengadakan kerja lebih masa dan jangan mengikut peraturan tepat pukul 4.00, pukul 5.00 petang kadang-kadang ia buat sampai malam, tetapi pukul 4.00 petang sudah tidak ada, ini berlaku. Kita tidak mahulah hendak menuduh sesiapa, setahun demi setahun masalah ini masih berulang, yang rugi ialah petani-petani itu sendiri.

Yang kedua, yang menimbulkan masalah bagi petani-petani dan yang membuat rungutan-rungutan kepada Wakil-wakil Rakyat dan sebagainya adalah masalah timbangan. Kadang-kadang kita tengok dalam satu petak padi dia bawa berasingan, tetapi lori yang pertama itu lain timbangan daripada lori yang kedua, walhal satu petak. Apabila kita siasat, kita teliti mengapa begini berlaku, satunya mungkin driver lori itu ada hubungan sedikit dengan orang yang berkenaan, ini kita dapat buat siasatan.

Yang ketiga, orang yang memeriksa gred padi itu, degree padi itu tidak bertauliah, dia cuma ditarik, pegawai-pegawai yang tidak ada kerja, yang mungkin kerja sedikit, dia suruh cucuk padi, tetapi tauliahnya tidak ada, sebab itu dia tidak dapat hendak menimbang sama ada apa yang disebutkan berapa kati-berapa kati tidak dapat dia hendak pasti, sebab dia tidak ada tauliah, ini yang dapat

diketahui. Inilah sedikit sebanyak patut dibaiki oleh LPN ataupun Kementerian Perusahaan Awam.

Satu lagi apabila petani ini menegur, dia kata pihak-pihak yang berkenaan ini tidak patut dipotong padi begitu banyak, dan bila pihak petani ini pergi mengadu kepada Pengurus LPN, pihak petani ini akan mengalami lagi besar kerugian kerana membalas dendam. Ini satu sikap yang patut Kementerian Perusahaan Awam mengambil tindakan yang sewajarnya, tidak boleh ditegur hinggalah setengah daripada padi itu dipotong, walhal padi yang sama satu tempat dengan tuan yang lain, yang tidak membuat aduan kepada pihak Pengurus tidak dipotong begitu banyak. Ini berlaku dan kita bawa perkara ini kerana petani ini ialah satu masyarakat ataupun golongan yang miskin dan kita patut membela mereka ini kerana pendapatan mereka ini sungguh tidak memuaskan berbanding dengan kos pengeluaran ataupun kerja-kerja mereka panas dan hujan tidak dikira terpakasa kena bekerja. Jadi kita sebagai pegawai-pegawai atau pihak-pihak berkenaan patut mengambil berat dalam masalah ini untuk membela nasib mereka ini kerana sedikit sebanyak mereka ini dapat mengurangkan daripada tukaran wang luar kerana menghasilkan padi kepada kita semua di negara kita ini, walaupun tidak 100% dapat membekalkan beras kepada rakyat dalam Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pelajaran iaitu Maksud B. 28, kalau tidak silap saya ia mendapat peruntukan begitu banyak sekali.

Dalam Kementerian ini saya ingin menyentuh berkenaan dengan disiplin pelajar. Tidak berapa lama dahulu pihak Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan satu buku ataupun buku panduan untuk membaiki disiplin pelajar, tetapi bagi saya semenjak

perkara itu dilaksanakan tidak sedikit pun ada perubahan, malah bertambah-tambah lagi disiplin yang kurang baik dilakukan oleh pelajar-pelajar.

Pada masa yang lepas ini ada setengah pelajar sanggup menunggu guru di jalan untuk menumbuk guru itu kerana kesilapan sedikit di sekolah, dan ada biasa terdapat murid-murid menendang guru, membaling guru dengan kerusi dan sebagainya, juga ada kalanya pelajar lelaki cuba mencium guru perempuan. Inilah disiplin yang patut kita pergiatkan. Mengapakah sampai begini terjadi disiplin pelajar ini? Saya rasa satu daripadanya pelajaran sivik ataupun pelajaran moral tidak diutamakan di sekolah-sekolah.

Saya sebagai bekas seorang guru, saya dapat membuat kajian, satu daripadanya pelajaran sivik ini sedikit sebanyak memberitahu kepada pelajar-pelajar itu bagaimana kegiatan Kerajaan, rancangan luar bandar dan sebagainya, tetapi pelajaran sivik ini dianggap sebagai pelajaran sampingan. Maksud saya apabila seorang guru itu dia tidak cukup matapelajaran, katakanlah tiap-tiap guru itu diberi masa 18 jam tiba-tiba dia ada 17, okaylah kata Guru Besar, kata guru yang membuat jadual waktu itu, kamu ambil pelajaran sivik untuk mencukupkan masa kamu. Jadi tidak dititikberatkan pelajaran sivik ini, cuma mengajar sambil, mengajar sebagai sampingan, untuk mencukupkan masa seorang guru itu sahaja.

Inilah yang saya maksudkan, kerana pelajaran yang memberi pelajaran moral kepada murid-murid itu tidak diberatkan. Mungkin satu lagi, kerana pada masa saya dahulu bersekolah guru boleh merotan, sekarang tak boleh. Kalau hendak merotan kena ada dua orang saksi, hendak pukul itu pula tak boleh ditempat lain, di ponggong sahaja, kena ada saksi, tulis ada saksi pukul. Jadi benda inilah yang

menyebabkan murid-murid ini terlampau mua, terlampau tak ambil hirau berkenaan dengan disiplin ini.

Pada masa dahulu kalau kita hendak berhenti sekolah, hendak habis, tamat sekolah, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah kita biasa kumpul duit sama-sama kawan sedarjah beli satu barang hadiahkah kepada guru ataupun kepada Guru Besar kerana kena mengenangkan jasanya kepada kita, tetapi sekarang terbalik. Apabila seseorang murid itu hendak berhenti sekolah, dia akan tinggalkan kesan di sekolah itu dengan mengambil batu membaling cermin, pecah cermin itu, menconteng di dinding-dinding, di tandas-tandas kerana inilah jasanya, kenangannya dia hendak berhenti daripada sekolah itu. Ini berlaku di sekolah-sekolah pada hari ini.

Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya menitikberatkan dalam masalah disiplin ini kerana keadaan pada masa ini telah pun tak dapat dikawal lagi. Jadi saya syorkan supaya merotan itu patut dihidupkan semula, di samping kita kemukakan pelajaran-pelajaran yang boleh membimbing ataupun menaikkan maruah ataupun menambahkan moral murid-murid itu, merotan itu patut dihidupkan semula, sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah.

Tentang Kementerian Pelajaran ini saya suka juga menyatakan sedikit berkenaan dengan gred sekolah. Sekarang ini gred sekolah ini A, B, C. Jadi kerana gred sekolah ini A, B, C, maka gaji pun gred juga, A lain, B lain, C lain, jadi banyak tingkatan gaji. Dalam Kementerian-kementerian, Kementerian Pelajaranlah yang banyak sekali tingkatan gaji, kadang-kadang tak tahu hendak ingat, B1, B2 lepas perang, sebelum perang, macam-macam gred. Saya syorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya sekolah-sekolah itu digredkan hanya

dua sahaja—A dan B, jadi senang kita laksanakan dalam skim gaji dan sebagainya.

Masalah kertas soalan yang bocor ini, saya tak mahulah menjelaskan dengan panjang lebar kerana banyak rakan-rakan saya sudah bercakap, tetapi bagi saya inilah satu perkara yang betul-betul kita menyedihkan. Saya berharap pihak Kementerian ataupun pihak Polis akan menyiasat dengan sebaik-baiknya dan akan menghukumkan orang-orang yang terlibat itu dengan sewajarnya supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan B.47, iaitu Jabatan Penyiaran. Saya rasa akhir-akhir ini sejak Yang Berhormat Puan Hajjah Rahmah menjadi Timbalan Menteri Penerangan ini kita nampak dalam TV ini adalah perbezaan sedikit mengenai dengan pakaian pelakon-pelakon ataupun orang-orang yang ditayangkan dalam kaca TV itu, tetapi ada kadangkala juga pakaian-pakaian ini yang menjolok mata. Jadi sesuai dengan masa kita sekarang ini pucuk pimpinan kita melaung-laungkan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat kita di Malaysia ini patutlah pihak Kementerian berhati-hati dengan pakaian yang ditayangkan melalui Television itu. Jadi saya berharaplah perkara ini akan dapat dilaksanakan, mudah-mudahan kita akan dapat mencapai hasrat pemimpin kita.

Tuan Yang Dipertua, B. 23, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, saya banyak hendak buat soalan tambahan dalam soalan-soalan jawab-mulut ini, tetapi saya tak berapa hendak berani, jangankan pihak-pihak yang tertentu menganggapkan saya sebagai orang yang hendak menekan sesuatu.

Dalam latihan pemuda-pemuda di Dusun Tua ini, saya dapat fahamkan belia-belia yang mengambil bahagian mekanik, pembaik kereta ini, di Dusun Tua ini disediakan kereta-kereta lama, Chevrolet yang lama-lama itu beri pemuda-pemuda ini perbaik untuk dapat pengetahuan dan balik di kampung carilah kerja buka bengkel perbaik kereta, tetapi malangnya yang mereka belajar itu kereta-kereta lama, sekarang mana ada kereta Chevrolet? Adalah sebiji dua yang tak berjalan, yang tak berjalan itu orang tak perbaiklah. Jadi begitulah keadaannya. Kadang-kadang saya fikir juga pemuda-pemuda belia teraniaya, rugi masa pergi berlatih, kursus, balik tak boleh hendak buat kerja, tak sesuai apa yang dia belajar dan apa yang dia hendak praktik selepas dia mendapat kursus. Jadi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kalau betul, patut ambil tindakan dalam masalah ini.

Satu lagi berkenaan dengan latihan memelihara ayam. Memelihara anak ayam di Dusun Tua itu juga diajar cara lama, cucuh pelita minyak tanah, buat kayu buluh, 6 bulan; 3 bulan, 4 bulan kursus, balik; bangga dapat kursus di Dusun Tua, tulis dalam borang permohonan kerja itu 'biasa menjalani kursus di Dusun Tua'. Apabila balik di negeri masing-masing sudah ada pengalaman berkursus, mintalah anak ayam hendak bela daripada Jabatan Haiwan. Apabila Jabatan Haiwan beri, cara yang dia belajar itu berlain daripada Jabatan Haiwan yang secara moden pada hari ini. Begitu keadaan yang berlaku.

Dapatkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengetahui sebanyak manakah belia-belia yang keluar berkursus daripada Dusun Tua itu yang dapat pekerjaan ataupun yang bekerja sendiri yang boleh berdiri di atas kaki sendiri? Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan buat kajian masalah

ini? Kalau didapati banyak yang balik goyang kaki sahaja, tak ada apa, mungkin kita boleh buat perubahan dan buat kajian bagaimana kita hendak mengatasi kursus-kursus yang diberi kepada mereka itu, apa sebab mereka ini tak dapat kerja, mengapa mereka ini tak buat kerja, kerana satu-satu yang tertentu. Kita boleh buat follow-up dan buat kajian supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah ini. Kalau kita berbangga dengan beribu-ribu orang pada tiap-tiap tahun kursus daripada Dusun Tua, itu sahaja tidak memadai.

Di sini saya ingin juga hendak sebut sedikit berkenaan dengan pindaan Perlembagaan, sebelum saya teruskan dengan Kementerian-kementerian yang lain. Pindaan Perlembagaan ini telah diluluskan oleh Dewan ini sendiri dan termasuk saya sendiri.

Jadi saya tak teringat pada masa dibuat pre-Council itu perkara-perkara yang berlaku sekarang ini hendak terjadi, sedikit tak teringat, kerana pihak-pihak yang tertentu telah pun mendapat persetujuan, selepas diluluskan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini maka timbullah dalang-dalang yang telah menghasut pihak-pihak yang berkenaan supaya mengubah pandangan jangan bersetuju dengan Perlembagaan dan sebagainya.

Saya dukacita kerana petualang-petualang ataupun dalang-dalang yang saya maksudkan ini ialah daripada pemimpin-pemimpin kita yang lampau yang mana mereka ini mendapat nikmat yang secukup-cukupnya hingga pada masa sekarang ini menjadi kaya-raya, menjadi orang yang terkenal dengan wang yang banyak dan sebagainya. Inilah balasan pemimpin-pemimpin kita masa lampau yang telah menikam belakanh Kerajaan yang dipimpin oleh Dato Seri Dr Mahathir pada hari ini. Inilah yang mendukacitakan saya dan saya berharap petualang-petualang ataupun

dalang-dalang ini patutlah menginsafi apa yang mereka lakukan dan patutlah bertaubat dan fikirlah semula supaya hentikanlah dakyah-dakyah yang boleh memecahbelahkan masyarakat Melayu khususnya. Jadi setakat itulah sahaja yang saya hendak huraikan berkenaan dengan pindaan Perlembagaan dan saya berharap tidak berapa lama lagi pindaan Perlembagaan ini akan dapat diselesaikan dengan baik.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak sentuh pula berkenaan dengan B. 8 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam.

Negeri-negeri di Malaysia kita ini ada setengahnya kaya, ada setengahnya miskin, ada setengahnya dahulu miskin, sekarang kaya, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah tahu yang mana negeri yang miskin—mungkin termasuk negeri saya yang miskin dan yang terkerdil sekali. Miskin ini kerana kurang maju. Jadi apabila Kerajaan memberi peruntukan seboleh-bolehnya peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan itu akan dapat dilaksanakan, dapat dijalankan, dapat menggunakan wang peruntukan yang diberi oleh Kerajaan itu supaya dapat membangun negeri yang kurang maju hari ini.

Pada hari ini saya rasa mungkinlah tak disedari oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan Perdana Menteri sendiri, wang banyak, orang yang dihantar ke Perlis itu tak tahu hendak menggunakan wang tersebut. Mengapa tak digunakan? Sebab mereka tak biasa lagi. Apa Maksud yang saya kata tak biasa lagi itu? Ini ialah kerana mereka tak ada pengalaman. Jadi apabila dihantar ke negeri-negeri yang kurang maju itu dia baru, tak tahu hendak buat apa lagi, baru tanya kawan kiri-kanan macam mana hendak buat ini, cukup enam bulan tengok prestasi, berapa prestasi, baru 2%, sampai habis tahun tak sampai 20% kerana tak tahu hendak buat. Jadi apabila dia duduk di

situ setahun, dua tahun, tiga tahun, sudah dapat pengalaman, oh! tak boleh duduk di negeri itu kerana hendak naik pangkat, tak ada peruntukan di situ, kena tukar ke negeri lain. Baru hendak ada pengalaman tukar ke negeri lain, datang yang baru pula.

Sekarang ini kita pandang ke Timur, ke Korea, ke Jepun. Saya rasa di negeri Korea negeri-negeri yang kurang maju itu dihantar pegawai-pegawai yang berpengalaman. Orang yang ada prestasi, ada kebolehan dan sebagainya dihantar ke situ untuk memajukan negeri itu, barulah negeri yang kurang maju itu dapat dimajukan. Tetapi di negara kita ini terbalik sedikit. Ini bukanlah maksud saya kesemua yang pergi ke situ yang tak ada pengalaman, ada setengah-setengahnya yang lebih berpengalaman daripada yang ada di negeri-negeri lain. Ini saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya janganlah anggap negeri yang kurang maju itu sebagai negeri yang hendak dibiarkan sampai bila-bila kurang maju. Kita berharap supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang akan dihantar di negeri yang kurang maju itu hantarkan pegawai-pegawai yang berpengalaman supaya dapat kita gunakan, mereka gunakan wang peruntukan yang diberi kepada negeri itu dapat dibelanjakan, dapat dijalankan segala projek-projek, rancangan-rancangan di negeri yang saya sebutkan tadi itu.

Yang Kedua, berkenaan dengan pertukaran pegawai-pegawai. Kadang-kadang saya berasa sedih terutama sekali pegawai-pegawai muda yang baru kahwin yang bekerja satu tempat di sebuah negeri, tiba-tiba baru kahwin dua tiga bulan, suaminya ditukar ke negeri lain, yang si isterinya masih di situ.

Saya teringat seorang pegawai datang ke rumah saya, dia menangis. Dia kata, saya bekerja di Johor, isteri saya pun kerja di Johor, tiba-tiba saya

ditukar ke Perlis. Isteri saya mengandung dua bulan, dia menangis, sebab tinggal isterinya di Johor seorang diri. Jadi tak terfikirakah Ketua-ketua Pejabat ini hendak tukarkan pegawai-pegawai Kerajaan ini buatlah selidik sedikit, isterinya ini kerjakah atau tidak. Jadi kalau seorang duduk di Perlis, seorang duduk di Johor, seminggu sekali hari Khamis belum sampai pukul 4.00 dia cabut. Ini sudah rugi sedikit. Tak hendak pergi pun tak tahulah, Tuan Yang Dipertua pun biasa muda dahulu (*Ketawa*), jadi dia hendak pergi tengok keadaan isterinya . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Macam mana boleh mengandung pula, satu di Perlis, satu di Johor (*Ketawa*).

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Sebab suaminya ditukar daripada Johor ke Perlis, isterinya ditinggalkan di Johor, tak bersama-sama tukar. Jadi beginilah keadaan berlaku. Saya berharaplah Ketua-ketua Pejabat yang ada kuasa menukarkan pegawai-pegawai sama ada pegawai muda ataupun pegawai tua, buatlah kajian sedikit, selidik sedikit, kasihanlah hamba Allah ini meninggalkan—bukanlah masalah muda dan tua, kerana peninggalannya jauh rugi wang, hendak pergi tengok orang ini, hendak balik dan sebagainya, kerja tak boleh, ingat di sana, yang kawan itu ingat di sini. Ini susah, jadi merugikan kita pula dan kerja di pejabat yang diduduki oleh pegawai yang terlibat itu tidak dapat hendak dibereskan. Beginilah keadaannya.

Satu lagi pasangan yang saya tahu mereka berjumpa saya. Mereka ini menyewa sebuah rumah, si suami tukar ke Perlis, tinggal isterinya di sebuah negeri yang lain. Si suami menyewa rumah di Perlis, yang si isteri menyewa rumah lain di negeri lain. Jadi dua buah rumah sewa. Tiap-tiap minggu balik. Kadang-kadang berselisih di

jalan. Yang isteri pun hendak balik, yang suami pun hendak pergi, lama-lama tak jumpa terus, berselisih pula di jalan. Ini berlaku dan kalau pihak yang berkenaan hendak tahu namanya, saya boleh beri tetapi bukan kepada Tuan Yang Dipertua, kepada pihak yang berkenaan. Ini berlaku dan saya berharap kepada pihak-pihak yang tertentu supaya mengkaji masalah ini. Tetapi kalau Ketua Pejabat ini hendak bertukar, dia berikhtiar awal-awal, kalau isterinya sebelum pergi lagi dia sudah cari tempat supaya isterinya ditukar bersama. Tetapi dia tahu perasaan dia sahaja, dia tidak timbang perasaan pegawai-pegawai yang di bawahnya. Jadi, saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi kerana memberi satu tekanan jiwa kepada pegawai-pegawai terutama sekali pegawai-pegawai muda ini.

Dalam Jabatan Perkhidmatan Awam saya juga hendak sebutlah dalam Dewan ini berkenaan dengan jawatan-jawatan yang masih diasingkan terutama sekali Perlis dengan Kedah. Jadi, kadang-kadang dianggap Perlis ini kecil. Saya rasa yang ada Raja dalam Malaysia Perlis sahaja, yang lain Sultan kebanyakannya. Jadi Perlis ini ada Raja juga seperti di Negeri Johor, Negeri Pahang dan sebagainya. Tetapi masih lagi dianggap Perlis sebagai satu jajahan hendak dibandingkan dengan jajahan Kubang Pasu, kadang-kadang orang-orang Kedah perlu orang Perlis, Tuan Yang Dipertua. Mereka kata payah-payah masuk dengan kamilah, jadi sebuah daerah Kedah.

Tetapi kami negeri kecil pun tetapi dia punya quality itu bagus. Dalam Parlimen sahaja 100%, Timbalan Menteri dengan Timbalan Speaker, dua-dua sekali walaupun negeri kecil. Saya rasa, Tuan Yang Dipertua, bersetuju (*Ketawa*).

Jadi inilah selalu dipermain-mainkan oleh orang-orang negeri yang besarlah. Masalah perasingan ini susah, macam

Telekom dia berasing, Kedah/perlis kerana kalau kita hendak tanya apa pun kena Kedah tidak boleh di Perlis. Perlis cuma boleh tanya pasal telefon rosak sahaja boleh dibuat di Perlis. Hak lain semua di Kedah. Itu tidak apa jugalah, pasal pegawai-pegawai Telekom ini, anggota-anggota Telekom ini.

Jadi oleh kerana negeri yang besar ini anggap kata negeri yang kecil, dia ini bawah sedikit kita jangan inilah, kemudian-kemudian sedikit tidak apalah. Jadi kalau kata hendak dapat tuntutan kerja lebih masa, empat bulan pekerja Telekom di Perlis tidak dapat lagi. Hak yang di Kedah itu sudah habis empat bulan tidak dapat lagi. Apa sahaja pun, baju 'T' shirt yang diberi kepada anggota-anggota Telekom itu orang kata di sana sudah buruk, sudah jahanam, yang di sini tidak sampai lagi. Yang ini yang saya tidak mahu kalau buat betul-betul tidak apa. Orang kata, alah, Perlis macam Kubang Pasu sahaja.

Inilah kita tidak mahu benda ini masih lagi, jangan kita cuba ada diskriminasi, tekan menekan, pandang serong, pandang kiri, amak tiri dan sebagainya. Saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan supaya diasingkan, jadi senang berdiri di atas kaki sendiri.

Tetapi kita selalu laung-laungkan supaya berdiri di atas kaki sendiri, kita hendak berdiri, dia orang tidak beri. Jadi negeri Perlis banyak lagi, Polis. Polis pun macam itu juga, Ketua Polis Kedah/perlis. Hak Perlis tidak boleh buat apa, hendak buat apa kena ada rujukan ke Kedah. Jadi banyak Jabatan-jabatan yang masih lagi disatukan dengan Kedah. Jadi sampailah masanya saya rasa yang Perlis pula sudah dewasa, dia boleh berdiri di atas kaki sendiri.

Jadi saya berharaplah perkara ini akan dapat perhatianlah daripada pihak-pihak yang tertentu terutama

sekali daripada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam patutlah mengambil tindakan segera.

Semenjak saya bercakap-cakap dalam Dewan ini, ada satu dia itu, fasal Penasihat Undang-undang. Dahulu Penasihat Undang-undang Kedah/Perlis, sekarang, dia bagi dia satu diasingkan. Saya berharaplah asingkanlah yang lain-lain.

Sekarang saya pergi ke Kementerian Dalam Negeri iaitu Maksud B. 37. Kementerian Dalam Negeri ini adalah suatu Kementerian yang mustahak sungguh bagi negeri Perlis, sebab negeri Perlis ini macam pintu gerbang, fasal kemasukan dadah. Tiga suku daripada orang kata perenggan negeri Perlis itu adalah masuk dalam Siam. Tiga suku, jadi suku sahaja yang tidak sama dengan Siam, sebab itulah kalau orang Kuala Lumpur pergi ke Perlis selalunya terlajak pergi ke Siam, kerana perenggan itu luas sama. Kadang-kadang dia cuma setakat Kangar, tengok-tengok hilang, kerana perenggan itu luas, Tuan Yang Dipertua, dia hilang. Saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri ini supaya mengambil perhatian berat dalam masalah ini. Saya hendak bercakap banyak berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri ini, banyak ada enam, tujuh perkara.

Terutama sekali sekarang ini oleh kerana kita Perlis dekat dengan Kedah sekarang ini kalau kita hendak pergi ke Siam kita tidak payah pergi melalui bot, melalui air, kita boleh pergi melalui jalan. Satunya Setol ada setengah orang kata Satut, ada yang setengahnya kata Setol, orang Siam kata Satut. Kita boleh pergi dengan melalui dengan jalan darat iaitu daripada Kaki Bukit melalui Wan Kelian terus kepada Setoi. Makan masa lebih kurang satu jam dengan kereta. Kalau hendak lebih lanjut yang teringin hendak pergi melalui jalan itu

boleh berjumpa dengan saya. Jadi dalam masa satu jam boleh sampai ke Setoi. Jadi jalan itu ada post, ada UPP base UKK. Ini saya tidak mahu berita lagi bab UPP dan UKK, saya hendak cerita bab keadaan mereka yang duduk di situ. Jadi mereka ini dibuatkan base, buatlah Pondok kecil duduk di tengah hutan, hutan antara Siam dengan ini, duduk di situ. Berminggu-minggu duduk di situ, anak isteri ini sewa rumah rata. Berkeliaran rata dalam negeri Perlis itu dan terpaksa kena ulang balik semula. Jadi Kerajaan berjanji, Kementerian Dalam Negerilah berjanji, sabar, kita akan buat berek, untuk mereka ini. Kerana post di situ cuma rumah yang tidak begitu kuatlah. Jadi kadang-kadang suratkhbar itu kalau kita hendak pergi Setoi, hendak beri dia suka kalau kita tengok suratkhbar, beri dia. Hendak baca suratkhbar pun susah. Hendak keluar pun susah, fasal keadaan keselamatan ini.

Jadi saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri supaya menunaikan janji mereka kata itu supaya mendirikan berek-berek untuk keluarga Polis UPP dan UKK di situ. Kerana kalau ada keadaan rumah yang kukuh yang agak selesa, dapatlah mereka menjalankan tugas mereka dengan lebih baik dan lebih sempurna untuk keselamatan kita keseluruhannya. Jadi inilah seruan saya.

Satu lagi kemajuan inilah, kemajuan ini pun kadang-kadang sudah maju sangat datang masalah Tuan yang Dipertua. Ada satu lagi jalan iaitu ini projek KASBAN, ini projek perbatasan. Jadi di Kuala Perlis ini dia berhampiran dengan Siam juga. Bukit Puteh itu dekat dengan Siam. Kalau tuan-tuan pergi ke Kuala Perlis, bila-bila masa sahaja orang Thai ada disitu. Dalam kedai kopi, semua orang Thai sahaja masuk, kadang-kadang kita berasa macam saudaralah, tidak kira apa ini passport dan sebagainya.

Terutama sekali hari Jumaat ada pekan sari di situ, orang Siam selalu datang membeli belah di situ. Mengapa mereka begitu ramai datang, kerana jalan untuk masuk ke negeri Perlis ini terlampau banyak sekarang. Satu boleh melalui laut dan satu lagi yang saya sebutkan itu iaitu melalui projek KASBAN. Daripada Kuala Perlis sampai ke Bukit Puteh, dan terus pergi ke satu tempat bernama Paju tempat itu. Jalan begitu besar sekali. Kalau musim panas kita boleh naik motosikal dan boleh naik kereta melalui jalan ini. Jadi orang-orang Thailand itu selalu datang ke Kuala Perlis, kita takut, fasal kalau mereka datang sahaja tak mengapa, tetapi mereka bawa dadah.

Masalah dadah di negeri Perlis, dalam bulan lepas dapat ditangkap 5 orang atau 5 kes yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh. Ini kes berlaku dalam sebulan lepas kerana jalan masuk itu terlampau terdedah kepada penduduk negeri Siam yang datang dengan begitu senang sekali. Sungguhpun ada UPP (Unit Pencegah Penyeludupan) berkawal, tetapi UPP ini semasa orang Siam tak datang, UPP ada, semasa orang Siam datang, UPP tak ada. Jadi kita perlu cari macam mana, fasal apa jadi begini. UPP selalu bergerak dengan jip pergi ke sana-sini, jadi apabila UPP tak ada, orang Siam datanglah dengan membawa beras dan sebagainya. Soal beras di Negeri Perlis memang senanglah membeli beras dan harganya murah serta mutunya tinggi. Beras itu daripada negeri Siam. Jadi soal dadah banyak masuk melalui jalan sempadan ini. Kawasan yang senang orang masuk sebab tak ada apa jagaan langsung, masuk dengan begitu bebas masuk setiap hari—malam-siang sampai 24 jam orang berjalan masuk. UPP ada semasa orang Siam tak masuk. Semasa orang Siam masuk UPP tak ada. Ini tentu kita fahamlah sebabnya, saya tak mahu hurai panjang, semua orang boleh faham.

Jadi untuk mengelakkan perkara yang saya sebutkan tadi, saya syorkan

dan mendesak pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mengadakan Pos Imigresen dan juga Kastam di Jalan Bukit Putih. Kalau tidak, macam kita angkut air dalam raga, maknanya kita jaga sana, di sini kita buka. Saya berharap perkara ini akan mendapat tindakan tegas daripada pihak Kementerian kerana ini adalah kenyataan yang betul-betul, bukanlah ini cerita dongeng dan sebagainya tetapi ini memang abetul berlaku. Kalau hendak pergi ke sana sekarang pun boleh kita pergi tengok macam mana keadaan ini berlaku. Kalau hujan susah sedikit, dia boleh datang berjalan kaki tetapi dekat—perenggan Siam dengan Kuala Perlis bukan jauh. Kalau musim kering, boleh datang dengan motor dan kereta, semua boleh jalan terutama sekali dengan motosikal dan membawa benda-benda yang dilarang itu. Inilah keadaan yang berlaku di negeri Perlis.

Satu lagi di negeri Perlis terkenal dengan kejadian jenayah yang selalu berlaku sehingga boleh dikatakan kecurian tiap-tiap malam berlaku di negeri Perlis. Pencuri di sana 'expert' sedikit, dia pandai. Kalau kita bubuh besi di pintu pun, dia boleh buka, selepas buka itu, dia pasang balik. Apabila kita bangkit pagi esok, seolah-olah tak ada berlaku kecurian, semuanya dalam keadaan baik. Tetapi apabila diperiksa, TV sudah tak ada, benda-benda berharga yang kita beli tak ada, sudah dicuri orang, pintu besi dibubuh balik. Ini berlaku di negeri Perlis, kalau bubuh besi 'grill' itu banyak, lagi cepat dia curi, dia pandai dia boleh buka grill itu. Dia boleh masak nasi, makan dan kemudian keluar dia ambil barang-barang penting. Ada sebuah rumah seorang doktor di Perlis berlaku kecurian, dia tak sedap badan dia bangkit pagi tengok barang-barang TV, mesin basuh dan sebagainya sudah tak ada. Ini kejadian jenayah yang berlaku di negeri Perlis. Saya tak tahu sebab apa, mungkin kerana berhampiran atau



bersempadan dengan negeri Thai. Mungkin ada hubungan cara-cara hendak melakukan kecuaiannya itu dengan negeri Thai. Oleh itu saya rasa banyak perkara yang patut diawasi dengan sempurna oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Saya beri contoh kawasan yang terkenal dengan jenayah di sebelah selatan negeri Perlis iaitu sebelah Simpang Empat. Di Simpang Empat ini pada tiap-tiap hari Pekan Sehari itu selalu ada kejadian bergaduh, tetapi dalam masa dua-tiga tahun ada berkurangan sedikit sebab ada orang di sana yang keras kepala sedikit. Jadi ada satu Balai Polis di situ, kawasan, (area) Balai Polis itu 47 batu persegi luasnya, 3 batu kawasan pantai dan 3 batu masuk ke dalam laut. Ini kawasan Balai Polis Simpang Empat yang ada sekarang ini. Penduduknya ada 50,000 orang yang Balai Polis itu kena jaga. Kawasan ini pula kawasan bendang, hendak pergi ke satu jalan, ke satu kampung agak susah sebab jalan-jalan kecil, tak boleh masuk kereta dan sebagainya.

Di dalam kawasan itu ada 4 orang wakil rakyat, kawasan Dewan Undangan Dewan ada 4, boleh saya sebutkan: Kawasan Kuala Perlis, kawasan Kayang, kawasan Sang Lang dan Kawasan Kurung Anai. Dalam 4 kawasan pilihanraya itu terdapat mukim Penghulu dalam satu kawasan Balai Polis ini. Jadi kalau kita tengok jenayah yang berlaku di negeri Perlis tak berhenti-henti sebab ia bersempadan dengan negeri Siam. Saya rasa pihak Kementerian patut kaji semula dan di sini sebagai orang Perlis saya hendak syorkan supaya sebuah lagi Balai Polis hendaklah didirikan di kawasan San Lang iaitu kawasan yang banyak penduduknya iaitu kawasan tepi pantai, kawasan nelayan, penanam padi dan banyak keturunan masyarakat Cina. Ini untuk pengetahuan Kementerian Dalam

Negeri, Balai Polis itu patut dibuat lebih awal dahulu, tak boleh tunggu sampai hari ini kerana terlampau banyak jenayah untuk dikawal oleh Balai Polis itu dengan cuma ada seorang OCS. Ketua Balai Polis itu seorang sahaja, dia tak ada Inspector atau Penolong Inspektor pun tak ada, OCS itu seorang sahaja. Jadi dia tak dapat tidur, kerja 24 jam tak boleh berhenti Polis itu kerana kawasan terlampau luas.

Satu lagi kawasan jenayah seperti Simpang Empat juga iaitu kawasan Arau. Kawasan ini luas—55 batu persegi. Penduduknya 60,000 orang, kawasan pilihanraya yang ada di dalam kawasan Balai Polis itu 4 kawasan iaitu Kurung Anai, Chuping, Utan Aji dan Paya. Jadi ini satu lagi pekan yang ada di situ ialah pekan Pauh yang bersempadan dengan Thailand dan bersempadan dengan Bukit Kayu Hitam dekat dengan Siam. Di situ tak ada Balai Polis, cuma ada satu Pos sahaja. Jadi penduduk-penduduk, orang Cina dan Melayu banyak di situ. Di situ juga patut benar diadakan satu Balai Polis untuk menampung kerja-kerja yang dihadapi oleh anggota-anggota Balai Polis yang duduk di Arau. Ini juga patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian kerana sangat mustahak.

Di sini juga saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan kenaikan pangkat Polis. Sekarang kita hendak beri mereka kerja, patut kita beri galakan fasal kenaikan pangkat. Jadi dalam perkhidmatan Polis ini ada sedikit peraturannya tak berapa elok. Saya beri contoh, Inspektor Polis yang diambil daripada anggota Polis biasa, dilatih sebagai Inspektot dan apabila lulus, habis training dia bekerja setahun dan confirmed. Apabila confirmed selepas setahun itu, gaji dia tak naik dengan betul, dia naik macam biasa daripada \$620. Setiap tahun naik macam biasa sahaja.

**Timbalan Yang Dipertua:** Naiklah.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Naik increment dia, naik macam biasa. Tetapi kalau Inspektor biasa, Inspektor yang terus pergi kursus biasanya apabila confirmed dalam masa 3 tahun, dia dapat \$700 dan terus naik, tetapi kawan tadi Inspektor juga dan kawan yang saya sebutkan tadi Inspektor yang baru, dapat naik gaji dahulu, Inspektor yang lama tinggal di belakang. Pakaiannya baguslah orang kata Inspektor, tetapi dia ada beza. Patut pihak Kementerian mengambil perhatian berkenaan dengan masalah kenaikan pangkat dua jenis Inspektor ini.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan dadah. Tadi saya kata Perlis ini sebagai pintu gerbang untuk masuk dadah kerana jalan-jalannya pun banyak. Orang-orang yang selalu ditangkap oleh pihak berkenaan di Pulau Pinang, di jalan ke Pulau Pinang adalah datangnya melalui Perlis, dadah yang diambil dari Siam melalui Perlis.

Saya hendak kemukakan di sini pegawai dadah yang dilantik di negeri Perlis ada satu unit sahaja. Pegawai seorang, anggota 4 orang, 5 orang sahaja, yang duduk mengawas sekarang berkenaan dengan dadah di Perlis. Dia diberi kereta van sebuah. Van itu pun sudah setengah umur. Saya syorkan di sini supaya kita tambahkan bukan sahaja di negeri Perlis di mana-mana negeri yang kurang anggotanya pegawai Unit Dadah ini patut ditambahkan. Kalau kita bandingkan negeri Perlis seorang pegawai, Inspektor dan empat orang lagi Polis biasa yang duduk jaga bab dadah, kemasukan dadah daripada luar negeri ini, inilah pegawai yang duduk jaga empat orang, lima orang dengan anggota. Saya harap patut Kerajaan atau pihak yang tertentu tambah pegawainya untuk mengelakkan daripada dadah ini masuk banyak sangat daripada negeri luar. Saya syorkan Unit Dadah ini ditempatkan di Padang Besar dan juga di Kuala Perlis

dan di samping itu ada di Kangar seperti yang ada sekarang ini. Patut tambah dua lagi di Padang Besar dan juga di Kuala Perlis. Ini mustahak kerana cukup mudah dadah datang ke negeri Perlis.

Ini berkenaan dengan hukuman penagih-penagih dadah. Dengan adanya Akta yang diluluskan oleh Parlimen ini mungkin pada masa sekarang ini patut diperbaiki dan dikaji semula. Penagih-penagih dadah ini pihak Polis tidak boleh mendakwa mereka kalau mereka ini ditangkap, kalau tidak ada benda itu bersama-sama mereka. Tidak boleh didakwa di mahkamah. Katakanlah Polis pencegah dadah ini menangkap 50 orang ataupun 10 orang. Contohnya 10 orang. Tetapi dia tidak ada benda dalam poket dia. Kita tidak boleh charge dia di mahkamah. Tetapi kita boleh test air kencing dia. Kalau didapati air kencing dia positif ataupun mengandungi dadah, ianya boleh dihantar ke Pusat Pemulihan Dadah. Tetapi Pusat Pemulihan Dadah yang boleh memuatkan orang-orang yang ditangkap di negeri Perlis ini ialah di Bukit Mertajam.

Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam ini ada 270 bilik. Kadangkadangkala kita tangkap 10 orang, 20 orang biasa berlaku di Perlis pihak Polis berhubunglah dengan pihak Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam. Dia nanti jawab yang boleh masuk ke dalam Pusat Pemulihan Dadah itu hanya lima orang sahaja. Kalau 20 orang kita tangkap hendak charge di mahkamah tidak boleh kerana benda tidak ada, yang 15 orang lagi itu terpaksa kita lepaskan, yang 15 orang inilah yang buat kacau—curi seluar orang, kasut orang dan basikal orang. Jadi, kita patutlah kaji semula undang-undang ini supaya kalau seseorang itu dengan air kencing dia dipastikan menggunakan dadah boleh didakwakan di mahkamah. Inilah benda-benda yang selalu ditangkap

oleh pihak Polis tetapi Pusat Pemulihan Dadah tidak dapat hendak memuatkan mereka yang ditangkap ini terpaksa dilepas. Tidak ada tempat untuk hendak kurung mereka, lepaskan dan orang inilah yang menjadi pencuri-pencuri kasut orang, periuk belanga orang, motosikal orang dan sebagainya. Ini patut diadakan kajian dalam masalah ini.

Satu lagi masalah dengan heroin. Heroin ini kalau dahulu 100 gram sekarang ini 15 gram. Kalau dapat ditangkap boleh dihukum bunuh. Kalau kita tangkap dia ada 7 1/2 gram dia boleh dihukum jel seumur hidup. Ini menasabahlah. Tetapi dadah, ganja dahulu 1000 gram sekarang 200 gram. Kalau ditangkap kita kenakan hukuman jel seumur hidup ataupun hukuman mati. Tetapi kalau kita tangkap, dapat dibawa 180 gram, dia boleh dihukum seumur hidup, kerana 180 gram itu dikira sebagai dia ini memiliki ganja. Yang ini berlainan sedikit dengan heroin. Tetapi ganja inilah sebagai asas untuk orang menggunakan heroin. Mula-mula sekali dia hisap ganja, dia cuba ganja dahulu baru dia cuba heroin. Ini patut kita buat kajian, pihak yang berkenaan patut kaji semula dalam masalah Akta Dadah ini.

Satu lagi berkenaan dengan kekurangan anggota Polis. Anggota Polis sekarang ini banyak yang pencen terutama sekali yang bekerja sebelum tahun 1948. Semasa darurat tahun 1948 dia pencen. Apabila dia bersara tidak boleh diganti kerana kita tidak ada mengambil yang baru. Apabila tidak ada yang baru sarjan-sarjan yang ada di Balai-balai Polis ini terpaksa bekerja kuat sebab pegawai tidak cukup. Apabila sarjan kena kerja kuat kerana Polis yang baru pencen tidak diganti kadang-kadang satu Balai Polis ada sampai lima orang. Di Balai Polis Besar sampai 10 orang yang pencen sekaligus. Anggota yang ditambah tidak ada sebab kemerosotan ekonomi

dan sebagainya. Apabila sarjan yang ada di Balai Polis itu terpaksa kena bekerja dengan lebih kuat lagi dia pun minta berhenti. Banyak sarjan-sarjan Polis pada masa sekarang ini yang minta pencen, minta bersara kerana tidak tahan dengan kerja.

Saya tengok pegawai Penyiasat di Balai Polis Kangar sepatutnya dia ada 6 orang, baharu memadai dengan keadaan negeri itu tetapi sekarang tinggal 2 orang kerana semua sudah cabut habis, tidak tahan dengan kerja, banyak kerja sebab pegawai tidak bertambah. Ini berlaku sekarang ini, Tuan Yang Dipertua. Jadi, kita berharap kepada pihak Kementerian supaya dapat mengatasi perkara ini supaya kerja-kerja dapat dibereskan dengan sebaik-baiknya di mana-mana Balai Polis dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa inilah perkara-perkara yang saya hendak sebutkan dan sekali lagi saya hendak sambung sedikit berkenaan dengan Jabatan Pertanian khususnya mengenai Sungai Muda. Air Sungai Muda selalunya tidak cukup kerana petani menggunakan air banyak di tempat takongan di sana. Saya rasa Kerajaan patut cari satu jalan supaya air yang tak digunakan itu jangan dibuang terus ke laut. Kita cari satu jalan supaya air itu dapat disalurkan kembali ke tempat takongan asalnya. Saya tengok di Sungai Muda ini air dibuang begitu sahaja ke laut dengan tidak ada apa-apa tindakan. Kita hendaklah cari jalan supaya air itu dapat disalurkan balik ke tempatnya. Cari jalanlah bagaimana caranya kita boleh buat supaya jangan kita membazirkan air itu.

Baharu-baharu ini pihak Kerajaan, pihak Kementerian Pertanian telah mengikhtiarkan bagaimana kita hendak menghapuskan bena perang yang menyerang padi di negeri Kedah dan di negeri Perlis, dan kerugian yang ditaksirkan lebih kurang \$5 juta kepada petani-petani pada tahun lepas

dan saya biasa menyeru perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan mengambil tindakan. Alhamdulillah, Kerajaan telah mengambil tindakan dan telah memanggil beberapa orang pakar untuk mengkaji masalah bena perang yang merusakkan padi itu.

Pakar-pakar itu datang daripada Jepun, daripada Korea pun ada, daripada Indonesia pun ada. Jadi, pakar-pakar ini tidak ada jalan lain sebagaimana taklimat diberi oleh MADA kepada pihak kami, kepada pihak-pihak tertentu di negeri Perlis dan Kedah, tidak ada jalan kita hendak menghapuskan bena perang ini ataupun musuh yang merosakkan padi ini melainkan dengan satu cara iaitu membakar segala jerami selepas diambil buahnya itu mesti dibakar dan tanah itu mesti kering. Ini satu jalan yang dapat menghapuskan bena perang ini. Oleh itu, Kerajaan hendaklah cari jalan bagaimana kita hendak bagi satu masa boleh keringkan semua bendang ini supaya tidak ada air dalam petak itu. Pihak Kementerian telah berusaha supaya musim ini kita tidak bagi air terus menerus pada 31hb Disember, 1983 ini air tidak akan dibekalkan kepada petani-petani untuk tanaman padi mereka. Sebab itulah Kerajaan menggalakkan petani-petani supaya tanam dengan cepat, jangan lewat sangat, nanti airnya tidak ada, padi akan mati. Maka Kerajaan telah pun memberi tahu kepada pihak-pihak petani di merata-rata kampung memberi penerangan tetapi yang mendukacitakan saya, ada setengah orang-orang masyarakat kita ini—masyarakat petani sendiri menghasut petani-petani ini supaya menentang Kerajaan di atas dasar yang Kerajaan hendak buat ini, hendak menolong petani ini supaya bena perang ini ataupun musuh padi yang merbahaya ini tidak berlaku lagi dengan cara mengeringkan tanah itu dan dibakar segala jerami dan sebagainya, baharulah boleh dikawal dan mungkin

dapat dihapuskan walaupun tidak 100%. Maka timbullah golongan-golongan tertentu yang menghasut petani-petani sehingga hampir-hampir berlaku satu rusuhan di negeri Perlis dan juga negeri Kedah tetapi kita bersyukur Alhamdulillah dapat diketahui cepat oleh pihak Polis dan dapat kita menahan daripada berlakunya rusuhan.

Jadi, inilah satu perkara yang patut kita berhati-hati dengan dakyah-dakyah orang-orang yang tertentu terutama sekali parti-parti Pembangkang di negara kita terutama sekali parti-parti Pembangkang di negara kita terutama sekali di utara Tanah Melayu ini yang cuma mencari kesempatan untuk memburuk-burukkan Kerajaan dan cuba hendak melagakan antara Kerajaan dengan petani ini. Inilah yang berlaku di negeri Perlis dan negeri Kedah yang hampir-hampir berlaku rusuhan.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya bercakap sedikit berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam TV diberi tahu kepada orang ramai supaya jangan beli alat-alat elektrik ini kerana bahaya. Dia kata jenis ini jangan beli, plug macam ini jangan beli, tidak boleh, kerana bahaya tetapi yang kita hairan ada dijual di kedai. Fasal apa pihak Kementerian tidak tahan kedai itu supaya jangan dijual, tidak payah suruh orang beli. Kalau sudah tidak ada di kedai, hendak beli macam mana? Kadang-kadang kita rasa ganjil. Dia kata jangan beli benda-benda ini tetapi di kedai ada. Ini perkara-perkara yang berlaku pada hari ini dan saya berharaplah perkara ini tidak akan berlaku lagi dan kita patut mengkaji, kadang-kadang kita hendak tahu apa tindakan oleh satu-satu Kementerian.

Satu lagi perkara berkenaan dengan minuman keras dalam plastik yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan

minuman keras tidak apa kerana tidak bahaya. Dia kata pihaknya boleh mengawal. Ini saya ingat lagi Yang Berhormat daripada Pahang, dia kata, kita sepatutnya benda yang kecil itu diperbesarkan supaya orang miskin tidak boleh beli tetapi yang anehnya botol yang besar itu dikecilkan supaya orang boleh beli. Jadi, dikecilkan daripada botol ini dijadikan plastik boleh dibeli dengan harga 50 sen.

Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian macam hendak marah kepada saya. Pada minggu depannya pula dia kata boleh kawal. Saya pun suruh budak pergi beli macam mana dia hendak kawal, budak yang pergi beli minuman keras ini dengan berbagai jenis seperti jin dan sebagainya dapat dibeli. Sekali lagi saya bawa masuk dan tunjukkan dalam Dewan yang mulia ini dan dia hampir marah pada saya. Saya kata ini macam mana ditahan tetapi boleh orang beli.

Tuan Yang Dipertua, pada hari ini benda itu masih lagi banyak dan bertambah banyak minuman keras dalam plastik itu dijual terutama sekali digunakan oleh penuntut-penuntut di Maktab-maktab yang umur mereka ini belasan tahun untuk digunakan minuman dalam plastik ini dan boleh dapat bila-bila masa sahaja di mana-mana sahaja. Jadi, saya hairan bagaimana Kementerian yang berkenaan dapat membenarkan, mengeluarkan lesen supaya benda ini dapat dijual dengan berluasa. Kadang-kadang kita pun tidak mahu hendak bercakap sangat di atas Kementerian yang berkenaan ini, kerana macam kita kata kepada kita sendiri tetapi oleh kerana kepentingan orang ramai yang mana desakan-desakan supaya benda ini patut dibangkitkan di tempat-tempat yang berkenaan maka kita terpaksa untuk menyuarakan benda ini untuk kepentingan rakyat semua.

Jadi, inilah perkara-perkara yang saya suka untuk membentangkan atau menghuraikan dalam Dewan ini dan

saya syorkan kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu pegawai-pegawai yang kita tidak dapat hendak ambil rekrut baharu Polis ini, kita boleh naikkan pangkat daripada polis-polis biasa Koprak naikkan Sarjan, daripada Sarjan dia boleh menjadi Pegawai Penyiasat dan sebagainya supaya jangan kita biarkan kosong tempat-tempat itu, kerana keadaan keamanan sekarang ini boleh dikatakan terancam dengan keadaan dunia sekarang ini terutama sekali ancaman dadah yang begitu mendadak sekali pada hari ini.

Saya rasa saya tidaklah hendak memanjang ucapan saya ini kerana hendak memberi peluang kepada rakan-rakan saya untuk dia menyambung esoknya mungkin, dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984 ini yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

**Timbalan Yang Dipertua:** Tiada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Sila Yang Berhormat Puan Nen Abidah.

*5.21 ptg.*

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, menyebut Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia, pada keseluruhannya merupakan satu Belanjawan yang menggembirakan.

Oleh kerana Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai Menteri Kewangan Malaysia yang telah menyatakan beberapa kali bahawa ekonomi negara pada masa ini sedang beransur pulih. Bagi saya adalah juga merupakan satu tanggungjawab yang agak berat seperti rakyat-rakyat yang lain di negara kita ini merasa puas hati bahawa

kesemuanya itu tidaklah memberatkan mereka, tidak merugikan dan adalah diterima pada keseluruhannya.

Kerajaan hendaklah menggiatkan lebih-lebih lagi pembangunan dan perkembangan kemajuan luar bandar supaya masyarakat yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah akan menikmati bersama perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh memberikan kemudahan kepada kehidupan mereka seperti bekalan-bekalan api, air, jalanraya yang mana banyak lagi tempat-tempat yang belum menikmatinya. Setengah-setengah tempat ataupun setengah-setengah mereka yang sentiasa telah menyatakan putus asa kerana tidak dapat menikmati semua kemudahan-kemudahan Kerajaan ini.

Dalam membentangkan angka Belanjawan Negara bagi 1984 angka yang tertinggi ialah Kementerian Pelajaran dan yang kedua ialah Kementerian Pertahanan.

Saya suka menyebut iaitu berhubung dengan Kementerian Pelajaran yang mana Kementerian Pelajaran ini adalah amat mustahak dalam negara kita dan sebelum itu saya suka juga menyentuh berhubung dengan Kementerian Pertahanan dan Polis Negara, yang mana Kementerian Pertahanan ini adalah satu Kementerian yang paling mustahak juga jika sekiranya negara tidak dapat dipertahankan kedaulatan dan keutuhannya maka sudah tentu negara huru-hara dan kita tidak dapat mempertahankan keselamatan negara jika sekiranya tidak ada alat-alat atau senjata-senjata yang moden bagi mempertahankannya. Jika dengan senjata dan alat-alat sahaja sudah tentu tidak dapat menjamin kekuatan dan pertahanan negara.

Kita boleh berbangga dengan pujian-pujian bahawa Malaysia ada mempunyai askar-askar atau tentera-tentera yang bersopan santun, tidak

cukup dengan itu, ertinya tidak cukup dengan pujian-pujian sahaja, jika sekiranya negara ini diserang, nauzubillah, sudah tentu negara yang sekecil ini gagal mempertahankan keutuhannya jika hendak ditahan dengan bambu runcing sudah tentu tidak layak lagi. Pada hal jika kita saksikan bahawa negara-negara lain seperti Lebanon dan negara Arab cukup dengan peluru-peluru berpandu dan pertahanan-pertahanan yang lain tetapi mereka tidak dapat mempertahankan negara mereka daripada serangan-serangan hebat yang mana kita ketahui bahawa sudah berperang sejak sepuluh tahun yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, polis-polis negara kita iaitu yang mana mereka ialah menjadi sebagai alat mempertahankan negara dari perkara-perkara jenayah, ada yang mati bukan kerana mempertahankan diri mereka, tetapi ialah mempertahankan keselamatan orang lain. Ada juga mereka yang menjaga tempat-tempat yang tertentu, apabila mati seorang polis atau askar, mereka hanya dihantar, yang pertama ucapan takziah daripada pembesar-pembesar negeri dan kedua, ke tanah perkuburan dengan barisan-barisan kehormatan. Setakat ini tidak cukup dan jika ada isteri dan anak-anak, iaitu isteri yang menjadi balu dan anak-anak yang menjadi yatim, balu pula sudah tentu mereka ini akan kahwin dan wang pencennya akan hilang. Balu muda, maklumlah, ada kemampuan dan ada kemahuan berkahwin.

Saya suka mencadangkan supaya balu-balu tersebut boleh berkahwin tanpa hilang wang persaraan mereka. Kita suka juga membandingkan bahawa daripada duda-duda misalnya, yang sudah menerima pencen dan boleh berkahwin, begitu jugalah kepada balu. Tentulah tidak adil kalau sekiranya orang perempuan sahaja ataupun balu yang menerima akibat seperti demikian. Eloklah sama, kalau

orang lelaki boleh kahwin, orang perempuan juga boleh kahwin dengan tidak hilang wang persaraan mereka.

**Timbalan Yang Dipertua:** Banyak orang hendak (*Ketawa*).

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, kita pandang dari segi kerja-kerja tadi dan juga dari segi mereka menggadaikan nyawa. Tetapi dari segi layanan terhadap mereka, ertinya askar ataupun polis amatlah menyedihkan. Ada setengah-setengah tempat, ertinya rumah-rumah tempat tinggal mereka seperti tahun 1948 dahulu, tidak diperbaiki. Jika diperbaiki pun seolah-olah melepaskan batuk di tangga sahaja yang mana ada berek-berek polis yang hanya mempunyai bilik satu dan dua dan ini adalah tidak mencukupi untuk keselesaan atau keheningan hidup mereka. Mereka juga seperti kita manusia biasa dan mereka juga berkehendakkan keselesaan. Tetapi dengan rumah yang mereka ada seperti sekarang ini sudah tentu bila tengok sahaja rumah itu mereka sudah mengatakan beginilah keadaan hidup kami, ertinya tidak ada pembelaan ataupun tiada layanan yang lebih

sempurna untuk mereka. Maka sudah tentulah mereka menjalankan kerja atau tanggungjawab dengan tidak begitu teratur atau dengan tidak begitu sempurna. Tetapi sebaliknya, Kerajaan tidak memandang kepada ketenangan dan kerehatan mereka. Mereka pasukan keselamatan adalah di hadapan, ertinya kalau Perdana Menteri atau Menteri-menteri lain, siapa dahulu yang disuruh ke depan, ialah polis. Tetapi kalau mati mereka dahulu. Maka dengan sebab itu hendaklah Kerajaan memandang berat terutama rumah tempat tinggal, layanan-layanan kepada anak-anak dari segi pelajaran dan juga mereka yang cacat dengan sebab bertugas.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dan boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 3.00 petang hari esok, 9 haribulan Disember, 1983.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*